

"DAN di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya bahawa Dia menciptakan bagi kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa senang kepadanya dan dijadikannya di antara kamu suami isteri perasaan kasih sayang dan rahmat (belas kasihan). Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Rum, ayat 21.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahabunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

TABUNG KEMANUSIAAN BAGI RAKYAT REPUBLIK TURKIYE, ARAB SYRIA DITUBUHKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Pelancaran SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Selasa, 14 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan

penubuhan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria dan seterusnya penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

>> Muka 3

Laksana pelbagai inisiatif, garis panduan kawal penularan COVID-19

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Isnin, 13 Februari. - Sudah hampir tiga tahun, Negara Brunei Darussalam (NBD) menghadapi cabaran pandemik COVID-19, yang juga turut dihadapi oleh dunia global.

Mengimbas kembali pada bulan Mac 2020, negara kita dikejutkan dengan kes pertama COVID-19. Pada waktu itu, kita tidak mempunyai dinding pertahanan atau tiada imuniti dalam menghadapi wabak berkenaan.

Namun, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sudah merangka dan membuat persiapan awal bagi menghadapi apa juga ancaman kepada kesihatan awam termasuk wabak berkenaan.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff semasa berucap pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

>> Muka 4

Fokus pelaksanaan inisiatif bagi pertumbuhan ekonomi negara

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

Hadir pada Sesi Muzakarah tersebut ialah

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Seramai 18 Ahli MMN yang diketuai oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin pada Sesi Muzakarah berkenaan.

>> Muka 5

Bincang kemajuan Pelan Induk Digital ASEAN 2025

Siaran Akhbar :
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BORACAY, REPUBLIK FILIPINA, Isnin, 13 Februari. - The 3rd ASEAN Digital Ministerial Meeting (ADGMIN) diadakan baru-baru ini di Boracay, Republik Filipina pada 9 hingga 10 Februari 2023.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menghadiri Mesyuarat ADGMIN Ke-3 dan Mesyuarat Rakan Dialog ASEAN yang berkaitan dengan China, Jepun, Republik Korea, India, Amerika Syarikat dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (International Telecommunications Union-ITU).

Dengan tema 'Synergy towards a Sustainable Digital Future', Mesyuarat ADGMIN Ke-3 dipengerusikan oleh Setiausaha Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DICT), Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ivan John E. Uy.

Mesyuarat berkenaan antara lain membincangkan kemajuan Pelan Induk Digital ASEAN 2025 (ASEAN Digital Masterplan 2025-ADM 2025) serta kemas kini daripada kumpulan kerja di bawah bidang kuasa ADGMIN.

Dalam bertukar-tukar pandangan mengenai pembangunan sektor digital dalam ASEAN, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (NBD) mengongsikan bahawa kita kini berada dalam era digital dinamik dengan rentak perubahan teknologi yang semakin pesat mengubah perniagaan dan masyarakat.

>> Muka 6



Berita Utama



PENYERAPAN teknologi semasa bagi memelihara kedaulatan undang-undang negara **Muka 7**



TEROKA peluang, tawaran Ekspo Pengajian Tinggi 2023

Muka 9



12 peserta memperdengarkan bacaan Al-Quran

Muka 13



Warisan

GULINTANGAN kekal berfungsi sebagai cabang kebudayaan kitani

Muka 21

Kementerian Pendidikan terus berusaha ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035

ALHAMDULILLAH bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufiq dan inayah-Nya, kita dapat hadir di Sesi Muzakarah antara Kementerian Pendidikan dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tahun 2023 / 2024.

Kaola / saya ingin menjunjung kasih dan mengucapkan ribuan terima kasih serta mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat ke Kementerian Pendidikan. Semoga pemuzakarah pada pagi ini, dapat memberikan gambaran tentang peranan kementerian khasnya berkenaan perkembangan dan kemajuan pendidikan di negara ini, selain menjadi wadah perkongsian pandangan dan saranan ke arah memantapkan lagi pencapaian bidang-bidang berkeutamaan yang berkaitan. - InsyaaAllah.

Kementerian Pendidikan selaras dengan visinya Pendidikan Berkualiti, Negara Dinamik akan terus saja menekankan kepentingan penyediaan pendidikan yang holistik dengan meningkatkan potensi pelajar khususnya dalam konteks pencapaian penghasilan pembelajaran di tahap yang cemerlang, termasuk pelajar yang berkeperluan khas.

Ke arah merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pendidikan menerusi perancangan strategiknya terus memfokuskan kepada bidang-bidang berkeutamaan yang meliputi pembangunan Sumber Tenaga Manusia, penyediaan akses kepada pendidikan yang berkualiti yang sama dan saksama, dan pengukuhan kolaborasi dan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Seterusnya, kaola / saya ingin mengongsikan beberapa inisiatif utama yang dilaksanakan Kementerian Pendidikan

setakat ini.

Pada peringkat Pendidikan Teras, antara inisiatif yang diunggayahkan adalah :

Pertama - Program Sokongan Pembelajaran atau 'Learning Support Programme' bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran literasi dan numerasi di setiap sekolah rendah dan menengah seluruh negara.

Kedua - Pengukuhan piawaian dan kurikulum selaras dengan piawaian antarabangsa bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Mathematics, English Language, Science, Digital Literacy (piawaian) dan Information and Communication Technology (kurikulum).

Ketiga - Menyediakan rangka-kerja bagi melaksanakan kurikulum yang berdasarkan kemahiran Abad 21 seperti 'Financial Literacy Competency Framework for School Children and Adults' dan 'Digital Citizenship : Framework and Guideline for Schools'.

Keempat - Memperkenalkan Program Sahsiah Pelajar dalam pengisian kurikulum.

Kelima - Penyediaan Pusat Kecemerlangan atau 'Centre of Excellence' bagi memastikan keperluan perkembangan potensi dan pembelajaran pelajar berkeperluan khas, dan

Keenam - Bagi mengukuhkan dan meningkatkan kemahiran pengajaran Abad Ke-21, Penilaian Berasaskan Sekolah atau School Based Assessment akan terus dilaksanakan secara meluas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, enam inisiatif yang dikongsikan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan di bawah Pendidikan Teras.

Di peringkat Pengajian Tinggi, *employment*

rate atau kadar pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian bagi graduan Politeknik Brunei (PB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) kohort 2021 telah menunjukkan peratus yang baik iaitu disekitar 69 peratus bagi PB dan 75 peratus bagi IBTE. Ini adalah hasil dari penawaran kursus dan kurikulum yang sejajar dengan kehendak industri dan pasaran pekerjaan melalui kerjasama rapat dengan pihak berkepentingan khususnya Manpower Planning and Employment Council (MPEC).

Selain keutamaan melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi, antara pencapaian signifikan universiti-universiti tempatan adalah pencapaian pengiktirafan antarabangsa yang mengukur kriteria keupayaan khusus setanding dengan universiti-universiti antarabangsa.

Antara pencapaian yang dimaksudkan adalah seperti :

Universiti Brunei Darussalam (UBD) - Meraih kedudukan 301-350 di The Times Higher Education World University Rankings, kedudukan 71 dalam ASIA University Rankings 2023 dan seterusnya kedudukan ke-256 dalam QS World University Rankings 2023.

Sementara Universiti Teknologi Brunei (UTB) - Meraih kedudukan 136 dalam ASIA University Rankings 2023, dan 340 dalam QS World University Rankings 2023.

Manakala Universiti Islam Sultan Sharif Ali - Meraih kedudukan Top 201-300 dalam senarai World's Universities with Real Impact (WURI) Ranking yang diterajui oleh Institute for Policy and Strategy on National Competitiveness (IPSNOC).

Dalam mendukung pembelajaran sepanjang hayat, UBD dan UTB telah memperkenalkan program Postgraduate Microcredentials bagi memberi peluang



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berucap pada Sesi Muzakarah antara Kementerian Pendidikan dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara 2023 / 2024 pada Isnin, 15 Rejab 1444H bersamaan 6 Februari 2023M bertempat di Dewan Persidangan 1, Kementerian Pendidikan.

kepada para profesional dan graduan untuk meningkatkan kemahiran selaras dengan keperluan kerjaya dan pembangunan kapasiti masing-masing. Ini seterusnya membolehkan mereka untuk memperoleh kelulusan Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF) sama ada di Tahap 6 dan 7.













>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG

FEBRUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	RABU	24	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	KHAMIS	25	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	JUMAAT	26	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.33	7.44
18	SABTU	27	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
19	AHAD	28	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	ISNIN	29	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
21	SELASA	30	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	32 24 °C 	31 24 °C 	30 24 °C 
Pekan Bangar	31 24 °C 	31 24 °C 	31 24 °C 
Pekan Tutong	31 24 °C 	31 25 °C 	31 24 °C 
Kuala Belait	32 24 °C 	31 24 °C 	31 24 °C 

Wallahuallah Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 15 FEBRUARI 2023

Hindari sifat yang boleh merosakkan hati kita

KEHIDUPAN sehari-hari ini dicorak oleh bagaimana kita melaluinya. Ada yang dididik dengan sifat-sifat *mahmudah* (baik) atau *mazmumah* (tidak baik). Perkembangan hidup kita sehari-hari mengajar kita untuk sentiasa bersyukur atau tidak, sentiasa berlapang dada atau tidak. Semua ini bermula dari diri kita sendiri. Salah satu sifat yang boleh merosakkan hati kita, merosakkan hubungan kita adalah penyakit hasad dengki. Ia adalah salah satu daripada penyakit rohani yang ada dalam diri seseorang insan. Penyakit ini boleh membahayakan diri dan mendatangkan kesan yang buruk dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat mahupun bernegara.

Hasad dengki boleh diertikan sebagai suatu sikap tidak senang hati atas nikmat, kesenangan ataupun kelebihan yang ada pada orang lain. Sesungguhnya perasaan hasad dengki tidak pernah mengenal pertalian darah atau keluarga, tidak pernah mengenal sahabat dan rakan sekerja ini kerana hubungan keluarga yang rapat boleh menjadi renggang, sahabat yang akrab boleh menjadi musuh, rakan sekerja menjadi tidak sehaluan dan semua ini adalah disebabkan oleh perasaan hasad dengki.

Terdapat banyak sebab mengapa orang itu mempunyai perasaan hasad dengki, antaranya permusuhan, dendam, berasa khuatir tujuan atau hasrat tertentu tidak tercapai dan seumpamanya.

Namun terdapat juga hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang memberi pengecualian dalam sifat hasad dengki ini. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "*Perasaan hasad dan dengki itu dilarang kecuali pada dua perkara : Dengki terhadap seseorang yang Allah kurniakan kepadanya harta dan dia membelanjakannya pada jalan kebenaran, serta seseorang yang dikurniakan hikmah lalu dia mengamalkan dan mengajarkannya kepada orang lain*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Adapun untuk menjauh dan menghindarkan diri daripada sifat hasad dengki itu adalah sangat susah dan berat untuk dilaksanakan. Justeru, orang-orang yang berjaya menghindari sifat tersebut akan dimuliakan dan dikurniakan ganjaran syurga oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Hasad dengki adalah antara penyakit hati yang paling dihasut dan sangat sukar diubah. Akan tetapi terdapat cara untuk mencegah dan mengubatnya. Ia perlu kepada beberapa cara dan pendekatan, antaranya, kita hendaklah sentiasa mengawasi diri dan menyedari bahawa penyakit hasad dengki boleh merosakkan dan membinasakan diri sendiri. Seterusnya, kita hendaklah sentiasa mensyukuri nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Jika kita melihat orang lain memperoleh nikmat atau kelebihan, kita hendaklah mengakui bahawa mereka memperolehnya dengan hasil usaha dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala. Hendaklah kita rajin dan ikhlas bekerja, berikhtiar untuk mencari rezeki dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala. Hindarkan diri dari sentiasa membanding-bandingkan diri kita dengan orang yang lebih tinggi keadaan atau tarafnya daripada kita. Dekatkan diri dan sentiasalah kita berdoa memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dari sifat hasad dengki. Jika kita masih juga mempunyai sifat hasad dengki dalam diri, maka kita hendaklah segera beristighfar dan bertaubat atau memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam Surah Al-Falaq, ayat 1-5 tafsirnya : "*Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : "Aku berlindung pada Tuhan yang menguasai Subuh". "Daripada kejahatan makhluk-makhluk yang Dia ciptakan". "Dan daripada kejahatan malam apabila telah gelap gelita". "Dan daripada kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan". "Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki"*".

Marilah kita sama-sama muhasabah diri dengan memperbanyakkan istighfar, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita terhindar daripada sifat-sifat yang tidak baik, seperti hasad dengki, sombong, takbur, ujub dan sebagainya. Sekian Sidang Pengarang buat keluarannya kali ini. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Tabung Kemanusiaan bagi rakyat Republik Turkiye, Arab Syria ditubuhkan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku Penasihat-penasihat Bersama pada mesyuarat tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Penubuhan Tabung Kemanusiaan ini bertujuan untuk mengumpulkan derma berbentuk kewangan sahaja daripada semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Republik Turkiye dan Republik Arab Syria yang telah dilanda bencana gempa bumi pada 6 Februari 2023 lalu.

Gempa bumi tersebut merupakan antara gempa bumi yang paling teruk dengan skala bencana yang signifikan dan setakat ini, jumlah mangsa yang dilaporkan terkorban melebihi 36 ribu jiwa bagi kedua-dua negara dan dijangka akan meningkat lagi, manakala mangsa yang cedera atau hilang tempat tinggal juga amat memerlukan bantuan.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Khas tersebut telah bersidang hari

ini di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Awang Johari.

Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan sektor swasta.

Mesyuarat diadakan untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan usaha bagi mengumpulkan derma daripada rakyat dan penduduk NBD.

Hadir selaku Penasihat-penasihat Bersama pada mesyuarat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Timbalan Penasihat Bersama.

Terdahulu dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan perbincangan awal untuk menilai keperluan penubuhan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria telah diadakan oleh KKBS, KHEU dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di mana telah bersetuju terhadap penubuhannya berasaskan kepada beberapa penilaian iaitu pertama, hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Turkiye dan juga Republik Arab Syria adalah baik di samping sama-sama merupakan Negara Islam.

Kedua jelas Yang Berhormat, skala bencana yang amat besar yang dialami setakat ini dan dijangka akan meningkat hari ke hari dan ketiga, keperluan bagi bantuan segera, di mana Republik Turkiye dan Republik Arab Syria telah membuat rayuan kepada masyarakat antarabangsa untuk mendapatkan bantuan.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pula menjelaskan, dengan penubuhan Tabung Kemanusiaan itu, ia menggambarkan bahawa apa yang kita lakukan ini adalah atas dasar dorongan kemanusiaan, apa lagi ia mendorong kita untuk bangkit dan rasa terpengil apabila terjadi satu malapetaka yang menimpa sesama *kitani* manusia, apatah lagi manusia itu merupakan satu kumpulan bersaudara.

Bagi kita di NBD ujar Yang Berhormat, kita juga sering didorong oleh ajaran-ajaran agama Islam, yang menetapkan kita untuk saling bantu-membantu ke arah kebajikan dan semua ini merupakan curahan hati



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika melancarkan SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

kemanusiaan kita, meskipun dengan jumlah penduduk yang kecil.

Mesyuarat Jawatankuasa pada hari ini telah menetapkan bahawa tempoh kutipan derma akan diadakan selama tiga bulan iaitu mulai hari ini, 14 Februari 2023 hingga 14 Mei 2023.

Penetapan tempoh tersebut adalah untuk memberi peluang kepada para penderma untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Bagi orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan bolehlah berbuat demikian melalui tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Selain itu, melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (*sticker*) Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

Seterusnya, sumbangan juga boleh dihantar terus kepada Urus

Setia Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, NBD pada waktu pejabat.

Mesyuarat telah didahului dengan Pelancaran SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

Ini merupakan salah satu usaha untuk memberi kemudahan kepada orang ramai untuk menghulurkan derma kepada tabung berkenaan yang diungkuhkan bersama DST Sendirian Berhad, Progresif Sendirian Berhad dan Imagine Sendirian Berhad.

Tempoh kutipan SMS juga akan berlangsung selama tiga bulan bermula 14 Februari 2023 hingga 14 Mei 2023.

Acara pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir Setiausaha-setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil daripada DST Sdn. Bhd., Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd.



کنتین قیادین
Kementerian Pendidikan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN KALINGA

+673 7413059

Unit Kaunseling
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Jabatan Sekolah Sekolah
Kementerian Pendidikan



Talian ini berperanan dalam memberikan **khidmat nasihat, konsultasi, dorongan, serta motivasi** dalam menangani situasi seperti **masalah pembelajaran, masalah peribadi** dan lain-lain lagi.

Waktu operasi:
Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 pagi hingga 11.30 pagi
2.00 petang hingga 4.00 petang

Talian dibukakan kepada semua
Warga sekolah kerajaan

www.moe.gov.bn

LAKSANA PELBAGAI INISIATIF, GARIS PANDUAN KAWAL PENULARAN COVID-19

>> Muka 1

"Alhamdulillah, berkat kerjasama semua pihak, kita berjaya mengawal rantaian penularan wabak dengan strategi 'Zero-COVID' dengan pelaksanaan pelbagai langkah pengawalan yang ketat sehingga kita boleh menikmati kehidupan yang seperti sebelumnya sehingga mencapai 457 hari tanpa adanya kes COVID-19 di negara ini di antara bulan Mei 2020 hingga Ogos 2021.

"Kemudian sejak 7 Ogos 2021 hingga ke hari ini, NBD terus menghadapi lonjakan tinggi kes-kes positif COVID-19 dalam pelbagai varian seperti Delta dan Omicron sehingga ternyata strategi 'Zero-COVID' tidak lagi praktikal, maka kita menukarkan strategi kepada 'Living With COVID-19,' terang Yang Berhormat.

Semasa negara menghadapi gelombang-gelombang COVID-19 berkenaan, tambah Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melaksanakan pelbagai inisiatif dan garis panduan dalam memastikan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa terjaga.

Di antaranya jelas Yang Berhormat ialah Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19, penggunaan aplikasi BruHealth, Ujian RT-PCR atau Ujian Pantas Antigen (ART), Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan, menjalani kuarantin, Operasi Pulih, pembukaan Dana COVID-19, Work From Home, pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, penutupan sementara sempadan negara, serta pembukaan

"Di sinilah para ahli jawatankuasa bersidang secara berterusan bagi merangka strategi atau pelbagai dasar serta membincangkan cadangan pelbagai langkah atau tindakan bagi semua perkara, terutamanya kesesuaian pelaksanaannya dan penerimaan orang ramai terhadap pelbagai strategi berkenaan bagi mengawal penularan COVID-19 di negara ini".

Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin bagi memudahkan pergerakan rakyat dan penduduk di Daerah Temburong dengan daerah-daerah lain.

Selain itu ujar Yang Berhormat, Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 digubal dan dilaksanakan, yang antara lainnya mempunyai matlamat bagi pelaksanaan pelbagai sukat peralihan yang stabil dengan gangguan yang minima kepada aktiviti harian masyarakat, serta bagi membantu pemulihan ekonomi dan perniagaan yang terjejas akibat COVID-19.

Daripada aspek pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-Nation pula, Yang Berhormat kemudiannya menerangkan dalam memastikan respons atau tindak balas dalam menangani situasi gelombang COVID-19 yang semakin meningkat pada ketika itu, Jawatankuasa Pandu COVID-19 ditubuhkan dan Pusat Penyelarasan Kebangsaan bagi COVID-19 (N3C19) dibentuk bagi membantu pengurusan logistik bantuan yang disediakan oleh kerajaan dan pengurusan kemudahan Pusat-pusat Pengasangan.

Menyentuh mengenai Jawatankuasa Pandu COVID-19, Yang Berhormat menjelaskan ia adalah merupakan sebuah jawatankuasa tertinggi yang melibatkan kesemua kementerian yang dipengerusikan bersama oleh tiga orang menteri.

"Di bawah jawatankuasa ini terdapat lapan *task force* yang mempunyai peranan dalam bidang keutamaan masing-masing, iaitu hal ehwal pendidikan; strategi

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

kesihatan; jaminan keselamatan makanan; hal ehwal kesejahteraan dan kebajikan; penguatkuasaan; *business recovery*; hal ehwal rentas sempadan; serta media dan perhubungan awam.

"Di sinilah para ahli jawatankuasa bersidang secara berterusan bagi merangka strategi atau pelbagai dasar serta membincangkan cadangan pelbagai langkah atau tindakan bagi semua perkara, terutamanya kesesuaian pelaksanaannya dan penerimaan orang ramai terhadap pelbagai strategi berkenaan bagi mengawal penularan COVID-19 di negara ini," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan bahawa garis panduan, pelbagai dasar atau sukat pengawalan yang terkini kemudiannya diumumkan melalui Sidang Media Kementerian Kesihatan, yang merupakan sebuah wadah bagi pihak kerajaan untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai situasi terkini jangkitan COVID-19 di NBD bagi menangani sebarang kebimbangan dan berkongsi maklumat dengan orang ramai, yang setentunya tertunggu-tunggu untuk memperdengarkan perkembangan terkini mengenai wabak berkenaan.

Sedikit demi sedikit tambah Yang Berhormat, pelbagai langkah pengawalan dikurangkan dan akhirnya rakyat dan penduduk dapat menikmati kehidupan seperti sebelumnya dengan masih lagi mengamalkan tanggungjawab kesihatan, antaranya pembukaan semula masjid-masjid dan sekolah-sekolah.

Bagi mewakili Pengerusi-pengerusi Bersama kini dan terdahulu serta Sekretariat Jawatankuasa Pandu COVID-19 dan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat seterusnya menzahirkan penghargaan dan ucapan

berbanyak-banyak terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan (*frontliners*), orang awam yang terdiri daripada segenap lapisan masyarakat, pelbagai agensi kerajaan dan swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs), pelbagai pihak berkepentingan termasuk para sukarelawan atas segala pengorbanan, sokongan dan kerjasama serta memberikan bantuan selama pihak kerajaan memerangi musibah berkenaan dalam mengurangkan penularan kesan wabak jangkitan di NBD.

"Tidak lupa juga, ucapan penghargaan ini juga ditujukan khusus kepada semua agensi media kerajaan dan swasta, yang juga dikategorikan sebagai petugas barisan hadapan (*frontliners*), kerana mereka-mereka ini juga bertungkus-lumus dan berani menghadapi apa juga situasi COVID-19 dengan kerap turun padang mencari maklumat dan membuat laporan terkini, semata-mata untuk menyampaikan maklumat yang sahih dan tepat kepada orang ramai," tambah Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, Yang Berhormat menerangkan berkat pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala dan kerjasama bersepadu semua pihak, negara kita dapat menangani pelbagai cabaran berkenaan dengan baik. Untuk itu, sudah tiba masanya bagi kita memandang ke hadapan dengan meneruskan agenda pembangunan negara yang tergendala sebelum ini, melaksanakan pemulihan negara dan mengukuhkan ekonomi yang terjejas.

Ini semua jelas Yang Berhormat juga berkat daulat dan kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan rakyat baginda kekal



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa berucap pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

aman sejahtera, dan baginda juga pernah bertitah menyarankan agar kita untuk terus meminta pertolongan dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berpegang teguh dan mengamalkan Vaksin Ketuhanan dan SOP keugamaan, di samping melaksanakan SOP kesihatan dalam mengawal penularan COVID-19.

"Perjuangan memerangi COVID-19 tidak terhenti di sini dan saya menyeru untuk sama-sama terus mengamalkan segala SOP yang berkenaan atau disebatikan dengan diri sebagai langkah keselamatan masing-masing di samping terus mendukung segala hasrat dan usaha Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan perancangan dan agenda pemulihan dalam semua perkara, agar kita terus menikmati kehidupan seperti sebelum ini yang jelas juga merupakan tanggungjawab kita bersama dan peranan orang awam merupakan faktor kritikal dalam menjayakan apa juga strategi kerajaan," ujar Yang Berhormat.

Kadar purata kes COVID-19 catat penurunan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berucap pada Sidang Media berkenaan.

BERAKAS, Isnin, 13 Februari. - Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) terus menunjukkan penurunan dengan kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakangan ialah sebanyak 88 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya, iaitu sebanyak 108 kes sehari.

Sebanyak 29,869 keputusan Ujian Pantas Antigen (ART) dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu dengan dua peratus daripadanya adalah keputusan ART yang positif.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan perkara berkenaan pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah,

Kementerian Kesihatan, di sini.

Pada hari ini jelas Yang Berhormat lagi, tidak ada kes di dalam Kategori 5, iaitu yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU); dan Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

"Sehingga kelmarin, 12 Februari 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di NBD kekal berada di tahap yang tinggi dengan sebanyak 79.1 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan dos ketiga vaksin dan sebanyak 11.9 peratus juga mendapatkan dos keempat.

"Pada hari ini, sebanyak 82 kes baharu dilaporkan, iaitu semuanya adalah daripada hasil ART dan tidak ada kes dikesan daripada Ujian-ujian Makmal RT-PCR yang dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat mendoakan semoga NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

FOKUS PELAKSANAAN INISIATIF BAGI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berucap pada Sesi Muzakarah berkenaan.

>> Muka 1

Sesi Muzakarah dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang antara lain mengongsikan mengenai

hala tuju strategik serta fokus utama KSSUP dalam meningkatkan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam ucapannya menyatakan bahawa dengan negara kini sudah pun berada dalam Fasa Endemik dan dengan adanya pelonggaran terhadap beberapa lagi langkah pengawalan bagi membendung penularan wabak COVID-19 pada tahun lepas, ia sedikit sebanyak telah memberikan kelegaan kepada para pengusaha, petani, penternak dan nelayan, bagi meneruskan usaha, dalam keadaan 'norma baharu', ke arah menggiatkan aktiviti-aktiviti dan meningkatkan hasil keluaran perusahaan dan perladangan masing-masing serta sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi negara, peningkatan eksport dan jaminan sekuriti makanan.

Pihak KSSUP melalui jabatan-jabatan yang berkenaan, akan terus melaksanakan inisiatif, program dan projek yang telah dan sedang dilaksanakan pada masa ini dan terus mengenal pasti serta memikirkan strategi-strategi serta inisiatif-inisiatif dan program-program baharu, bagi mendukung usaha dalam merealisasikan visi dan misi serta hala tuju strategik kementerian berkenaan.

"Visi dan misi serta hala tuju KSSUP akan dapat direalisasikan dengan memberikan fokus utama kepada perancangan dan pelaksanaan program dan inisiatif yang menjurus kepada usaha-usaha untuk mendukung pertumbuhan serta peningkatan keluaran industri di bawah Sektor Makanan, iaitu keluaran dari Sektor Pertanian dan juga keluaran dari Sektor Perikanan," tambah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Penekanan ini katanya, adalah selaras dengan Peta Jalan Industri Makanan (Food Industry Roadmap), yang memfokuskan kepada meningkatkan keluaran makanan yang berkualiti, halal dan selamat dari industri keluaran utama (*primary production industry*) seperti keluaran hasil industri ternakan dan industri tanaman bagi Sektor Pertanian; dan industri penangkapan ikan dan akuakultur bagi Sektor Perikanan, dan keluaran dari aktiviti-aktiviti industri pemrosesan dan nilai tambah berasaskan hasil pertanian dan perikanan.

Ini juga termasuk mengukuhkan keseluruhan ekosistem rangkaian nilai (*value chain*) yang berkaitan dengan industri ini.

Seterusnya, menyentuh mengenai eksport pula, Kementerian telah berjaya mengeksport beberapa produk hasil pertanian seperti Muskmelon dan perikanan seperti udang dan ikan beku keluar negara, dan yang terkini adalah kejayaan mengeksport telur ayam ke Singapura buat yang julung kalinya, di mana pada 1 Februari 2023 yang baru lalu, sekitar 300,000 biji telur ayam telah berjaya dieksporth ke Singapura dan ini akan terus dipertingkatkan.

Di samping usaha-usaha ke arah meningkatkan perkembangan industri Sektor Makanan, fokus seterusnya adalah menjurus kepada usaha-usaha untuk memenuhi keperluan serta kepentingan terhadap pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan.

Dalam perkara ini, pihak

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Kementerian melalui Jabatan Perhutanan, akan terus memastikan agar usaha-usaha dalam membangun, melindungi serta memulihara sumber hutan negara akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agar aktiviti-aktiviti pembangunan negara adalah selaras dengan konteks pembangunan yang mampan (*sustainable development*).

Pada masa yang sama bagi mendukung pelaksanaan inisiatif 'protokol hijau' di bawah Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, pihak kementerian juga akan terus mengenal pasti langkah-langkah dan pendekatan-pendekatan yang inovatif bagi meningkatkan keluaran dari industri perhutanan, dan bagi meraih faedah serta manfaat ekonomi yang dapat diterokai melalui *carbon trading*.

"Seterusnya fokus terakhir adalah bagi mendukung pemajuan dan pembangunan industri pelancongan di negara ini dengan memfokuskan kepada pembangunan, pengukuhan serta mempromosikan produk-produk pelancongan berteraskan kebudayaan (*culture*), pengembaraan / aktiviti lasak (*adventure*) dan juga alam semula jadi (*nature*); di samping memastikan kualiti infrastruktur serta pemberian perkhidmatan pelancong akan terus dipertingkatkan untuk menarik serta meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negara ini," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sesi Muzakarah diteruskan dengan taklimat mengenai pencapaian terkini keluaran kasar sektor sumber-sumber utama dan pelancongan serta hala tuju strategik KSSUP bagi tempoh 2023-2028 yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap, KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab dan diikuti dengan sesi perbincangan dan soal jawab.


Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap I, Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap II, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim; Pengarah-pengarah Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian serta Pegawai-pegawai Kanan kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



KEMENTERIAN Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) semasa mengadakan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan bawah kanan).

COVID-19 : 89 kes disahkan sembuh

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Infografik : Kementerian Kesihatan



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Februari. - Sebanyak 89 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 275,731.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, satu kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi dan tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 14 Februari 2023, sebanyak 87.9 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 79.1 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.9 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.



BINCANG KEMAJUAN PELAN INDUK DIGITAL ASEAN 2025

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

>> Muka 1

Ini tambah Yang Berhormat membawa bersamanya banyak peluang untuk pertumbuhan dalam ekonomi digital kita.

Yang Berhormat juga turut mengakui keperluan untuk memanfaatkan integrasi dan perkongsian serantau ASEAN dalam meningkatkan akses Negara Anggota ASEAN kepada amalan dan strategi terbaik untuk mengubah rantau ini menjadi komuniti digital yang dikuasakan oleh perkhidmatan digital, teknologi dan ekosistem yang selamat dan transformatif.

Mesyuarat mengalu-alukan kemajuan yang dicapai pada tahun kedua ADM 2025 dan menggalakkan Negara Anggota ASEAN untuk terus bekerjasama dan melaksanakan perjalanan transformasi digital berpusatkan rakyat.

Ini termasuk pembangunan berterusan dan pelaksanaan program dan projek untuk menambah baik dasar ICT dan rangka kerja kawal selia berdasarkan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa.

Dalam meninjau kemajuan pelan kerja dan projek pegawai kanan

dan kumpulan kerja, para menteri dengan sukacitanya mengambil maklum tentang pelbagai kemajuan yang dicapai. Antaranya termasuk penyediaan Rangka Kerja Panduan ASEAN mengenai Kualiti Pengalaman (Quality of Experience-QoE) yang diterajui oleh NBD.

Mesyuarat berkenaan juga turut mengalu-alukan usaha Negara Anggota dalam melaksanakan langkah keselamatan siber yang dipertingkatkan selaras dengan Strategi Kerjasama Keselamatan Siber ASEAN 2021-2025 memandangkan peningkatan serangan dan ancaman keselamatan siber global baru-baru ini.

Mesyuarat berkenaan juga mengiktiraf keperluan untuk mengukuhkan kerjasama dan program yang bertujuan membangunkan analisis, kecerdasan buatan (Artificial Intelligence - AI), dan kemahiran digital yang penting untuk mengisi jurang bakat dan kemahiran di rantau ini.

Mesyuarat diakhiri dengan menerima pakai Deklarasi Digital Boracay yang menyeru kepada transformasi digital yang mampan yang berpaksikan rakyat, selamat, terjamin dan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menghadiri Mesyuarat ADGMIN Ke-3 dan Mesyuarat Rakan Dialog ASEAN yang berkaitan dengan China, Jepun, Republik Korea, India, Amerika Syarikat dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa.

relevan dengan keperluan pengguna akhir dan pelbagai pihak berkepentingan.

Ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan penggunaan perkhidmatan dan penyelesaian e-kerajaan yang boleh menghubungkan perniagaan, dan menyokong inovasi untuk model perniagaan baharu dalam memudahkan perdagangan rentas

sempadan dan akses mampu milik.

Sebelum Mesyuarat ADGMIN Ke-3, Pegawai-pegawai Kanan Negara Anggota ASEAN menghadiri 3rd ASEAN Digital Senior Official Meetings (ADGSOM) dari 7 hingga 8 Februari 2023.

NBD diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap

(Infokomunikasi), MTIC, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim, atas kapasitinya sebagai pemimpin ADGSOM NBD.

Turut hadir, Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar; dan pegawai kanan dari MTIC dan AITI.

HALUAN

>> Muka 2

Dalam merealisasikan setiap perancangan yang diterajui Kementerian Pendidikan, keutamaan terus diberikan kepada pembangunan kecemerlangan organisasi (*organisational excellence*) khususnya dari sudut urus tadbir, ketersediaan prasarana, dan peningkatan keupayaan sumber tenaga manusia.

Di peringkat Antarabangsa pula, kerjasama rapat khasnya melalui hubungan dua hala dengan institusi pendidikan luar negara terus diperkukuh. Ini adalah penting terutamanya dalam mengukuhkan aktiviti-aktiviti, perbincangan dan bertukar pendapat mengenai isu-isu pendidikan dan amalan-amalan terbaik dengan negara-negara berkenaan.

Menyentuh tentang cabaran khususnya yang dibawa oleh COVID-19, ia telah mengakibatkan penutupan sekolah selama 185 hari yang membawa kepada kehilangan pembelajaran (*learning loss*) serta memberikan kesan kepada kesihatan dan kesejahteraan pelajar.

Di samping itu, terdapat juga beberapa cabaran semasa pembelajaran atas talian atau *home based learning* seperti ketiadaan peranti digital dan *internet* data. Manakala, semasa sekolah mula dibuka sepenuhnya mulai Mei 2022, cabaran yang dihadapi ialah berkaitan kedatangan pelajar di mana data menunjukkan bahawa purata kedatangan pelajar adalah rendah berbanding sebelum penularan COVID-19.

Sejauh ini, inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan telah memberikan impak positif kepada pencapaian pelajar-pelajar di dalam peperiksaan awam seperti Penilaian Sekolah Rendah (PSR), BC GCE 'O' Level dan 'A' Level. Walau bagaimanapun, trend pencapaian ini telah terganggu disebabkan oleh penularan COVID-19, seperti yang tertera di slaid.

Antara pendekatan kementerian dalam menangani cabaran ini adalah menerusi pelaksanaan Program Pemulihan Pembelajaran atau 'Learning Recovery Programme' bagi pendidikan rendah, menengah dan tingkatan enam dalam literasi, numerasi dan sains. Ini adalah juga selaras dengan Education Response and Recovery Strategy (e2Rs) untuk menangani kesan pengajaran pembelajaran secara maya (*online*) semasa pandemik COVID-19 dan dukungan kepada program inisiatif pertama yang kaola / saya nyatakan sebelum ini iaitu Program Sokongan Pembelajaran atau 'Learning Support Programme'.

Demikianlah yang dapat kaola / saya kongsi setakat ini dan kaola / saya mengalu-alukan sebarang pandangan dan saranan, yang setentunya dapat menjadi sandaran kepada meningkatkan lagi keberkesanan fungsi dan peranan kementerian ini khususnya dalam sama-sama berusaha merealisasikan Matlamat 1 Wawasan Brunei 2035 iaitu Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.

Akhir kata, bagi pihak Kementerian Pendidikan, kaola / saya sekali lagi menjunjung kasih / mengucapkan terimakasih atas keberangkatan / kesudian Ahli-ahli Yang Berhormat hadir pada Sesi Muzakarah ini.

Sekian. *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Penyertaan Musabaqah Peringkat Saringan dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) akan menganjurkan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444H / 2023M Peringkat Saringan pada 10 hingga 13 Mei 2023.

Penyertaan musabaqah berkenaan terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap yang memegang kad pintar berwarna ungu serta tidak memegang pasport negara-negara asing dan hendaklah berumur di antara 15 hingga 30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1993 hingga 31 Disember 2008 serta tidak pernah menjadi johan pertandingan - pertandingan seperti Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia atau Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Separuh Akhir akan diadakan pada 11 Jun 2023 dan peringkat akhir pada 22 Jun 2023.

Pendaftaran boleh diisi secara dalam talian (Google Form) di <https://tinyurl.com/MTQBK-2023>.

Tarikh tutup penyertaan ialah pada Khamis, 5 Ramadan 1444H bersamaan 27 Mac 2023.

Bagi mendapatkan keterangan lanjut, sila hubungi urus setia musabaqah melalui talian +673 2381903 / 4 / 5 sambungan 1301/1304 atau +673 8938011 dan melalui e-mel belia.jbs@belia-sukan.gov.bn.

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 2023/1444

Syarat-Syarat Penyertaan

- Musabaqah ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap yang memegang kad pintar warna ungu serta tidak memegang pasport negara-negara asing.
- Peserta-peserta hendaklah berumur di antara 15-30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1993 hingga 31 Disember 2008.
- Tidak pernah menjadi JOHAN pertandingan-pertandingan berikut:
 - Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia; atau
 - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
- Setiap peserta juga dikehendaki untuk mendaftar diri di YSNet dengan menekan butang 'daftar'.

Keterangan Lanjut

Urus Setia,
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Bahagian Belia, Jabatan Belia dan Sukan Tingkat 3, Bangunan KKBS Simpong 336-17, Jalan Kebangsaan BC4415. Nombor telefon 2381903/4/5 sambungan 1301 & 1304 atau 8938011. Email: kbsmtqb@gmail.com www.belia-sukan.gov.bn

Tarikh-Tarikh Pertandingan [Tertakluk Kepada Perubahan]

Peringkat Saringan [10 hingga 13 Mei 2023]
Peringkat Separuh Akhir [11 Jun 2023]
Peringkat Akhir [22 Jun 2023]

Daftar Melalui
www.ysnet.gov.bn

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENYERAPAN TEKNOLOGI SEMASA BAGI MEMELIHARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG NEGARA



SETIAUSAHA Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohd. Taib semasa hadir pada Majlis Pembukaan Seminar Perundangan Ke-3. Turut hadir, Yang Berhormat Peguam Negara.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama daripada Pejabat Peguam Negara mengelolakan Seminar Perundangan Ke-3 pada 13 dan 14 Februari 2023 bertempat di Dewan Bankuet, JPM.



Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohd. Taib semasa membacakan Teks Ucapan Khas Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof pada Majlis Pembukaan Seminar tersebut antara lain menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Ke-38, Tahun 2022, di mana inti pati titah tersebut adalah bagi mempercepatkan pengukuhan transformasi digital sebagai sebahagian daripada pemulihan ekonomi bagi memastikan norma baharu dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Beliau menambah bahawa tema Seminar Perundangan Ke-3, 'Law and Technology : Challenges,

Opportunities and Way Forward' adalah berpatutan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengambil kira perkembangan serta peredaran semasa.

Dalam era globalisasi dan dengan adanya *borderless instant connectivity* terang beliau, kehidupan harian semakin serap dengan teknologi maklumat di semua sektor termasuk di sektor awam.

Maka adalah menjadi satu keperluan bagi warga Perkhidmatan Awam untuk mempunyai asas kefahaman terhadap teknologi maklumat agar dapat sentiasa kekal relevan dalam mengenalpasti, mengetahui dan memahami isu-isu semasa agar dapat merangka serta melaksanakan strategi-strategi yang *thinking forward* untuk menangani isu-isu berbangkit.

Selain daripada menangani isu-isu terbaharu ujarnya, sektor awam adalah juga diharapkan akan dapat memanfaatkan teknologi semasa termasuk mana-mana *emerging technologies* bagi memudahkan

serta mempercepatkan mana-mana tugas dan tanggungjawab sektor awam.

Sektor Perundangan juga perlulah tidak ketinggalan dalam menyerapkan teknologi-teknologi semasa bagi memastikan bahawa kedaulatan undang-undang Negara Brunei Darussalam sentiasa dipelihara.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Pemangku Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri; Ketua Pendaftar dan Pesuruhjaya Kehakiman, Peguamcara Negara, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, President Law Society Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kanan dari Pejabat Peguam Negara dan agensi-agensi kerajaan.

Penceramah - penceramah adalah terdiri dari Pejabat Peguam Negara, Law Society Brunei Darussalam, Brunei Darussalam Arbitration Centre dan Cyber-Security Brunei telah menyampaikan taklimat di dalam seminar yang diadakan selama dua hari itu.

Antara topik yang dibentangkan pada Seminar Perundangan Ke-3 ini adalah seperti penyediaan rang undang-undang; kontrak; *debt recovery*; Cybercrime; MoUs, Current Trends and Practice; Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Alternatif di Negara Brunei Darussalam dan pengenalan ke atas Law Society of Brunei Darussalam iaitu khususnya dari perspektif 'Law and Technology'.

Topik-topik tersebut diharapkan akan dapat menjana pemikiran dan meningkatkan pemahaman serta pengetahuan perundangan secara asasnya / amnya terhadap perundangan dan secara



SETIAUSAHA Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM membacakan Teks Ucapan Khas Yang Berhormat Menteri di JPM (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang membuat pembentangan pada seminar berkenaan.

khususnya berhubung dengan interplay di antara undang-undang dan teknologi.

Adalah diharapkan bagi kesemua warga perkhidmatan awam yang menyertai Seminar Perundangan Ke-3 ini, akan dapat memanfaatkan kesemua ilmu pengetahuan yang disampaikan ke arah mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi dalam perkara-perkara perundangan di setiap kementerian.

Selain itu, ia diharasat akan dapat membina Perkhidmatan Awam yang berkemahiran dan berkesan untuk mendukung pembangunan negara berasaskan prinsip-prinsip Melayu Islam Beraja dengan pengenalan konsep Negara Zikir demi menjaga integriti Perkhidmatan Awam melalui pendekatan Whole of Government Approach / Whole of Nation Approach bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 dan ke arah matlamat sebuah negara *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*.

Perkukuh kerjasama pelbagai bidang, realisasikan visi bersama



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Februari. - Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pertama Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura

diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap

(Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, NBD, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin; dan Setiausaha Tetap (Pembangunan) di Kementerian Perdagangan dan

Perindustrian, Republik Singapura, Lee Chuan Teck.

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan

SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi bergambar ramai pada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pertama Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

dari kedua-dua NBD dan Republik Singapura sebagai ahli jawatankuasa dan kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Memperkukuh Kerjasama Perdagangan dan Pelaburan dalam Produk Makanan dan Perubatan, dan MoU mengenai Kerjasama dalam Tenaga dan Ekonomi Hijau yang ditandatangani antara kedua-dua negara pada 24 Ogos 2022.

Dalam ucapan perasmianya, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah mengiktiraf hubungan yang sangat erat antara NBD dan Republik Singapura dan kepentingan memperkukuh perdagangan dan kerjasama antara kedua-dua negara berkaitan bekalan makanan, produk perubatan, sektor tenaga dan ekonomi hijau.

Beliau seterusnya mengulangi potensi kedua-dua negara untuk terus bekerjasama dalam merealisasikan visi bersama, untuk daya tahan rantai bekalan, pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran.

TANAI TANGGUNGJAWAB, PERKUKUH INSTITUSI MUKIM, KAMPUNG



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara (DBM), di Dewan Theater, Jabatan DBM. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Selasa, 14 Februari. - Penyanggah jawatan Penghulu dan Ketua Kampung yang telah dilantik hendaklah individu-individu yang berkebolehan membawakan kepimpinan yang berkesan dan berkualiti kepada anak buah masing-masing di mukim dan di kampung.

Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan berkata, kepimpinan ini adalah penting dalam sama-sama menangani cabaran *monumental*, iaitu cabaran merealisasikan Wawasan Negara 2035.

"Wawasan Negara 2035 pula telah menggariskan tiga matlamat utama iaitu dengan memberikan

penekanan kepada menjana transformasi negara supaya akan dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat dan penduduk yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi serta mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

"Dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035, perlu diingat bahawa ia bukanlah tanggungjawab tunggal kerajaan sahaja atau sesebuah kementerian atau jabatan malah ia merupakan tanggungjawab bersama semua rakyat dan penduduk Brunei," jelasnya semasa menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu-penghulu

Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara (DBM), di Dewan Theater, Jabatan DBM di sini.

Pelaksanaan Wawasan Brunei 2035, ujar beliau, akan dizahirkan melalui program, inisiatif dan projek-projek termasuk Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) di semua peringkat kementerian, jabatan dan agensi-agensi yang berkepentingan, yang juga melibatkan peranan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung sebagai pemimpin di peringkat akar umbi.

"Dihubungkan peranan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung untuk mencapai matlamat kualiti kehidupan yang tinggi bagi semua lapisan masyarakat pada masa hadapan, beberapa inisiatif dan program dapat diungkuhkan pada misalnya mengekalkan persekitaran yang hijau di mukim dan kampung di bawah jagaan masing-masing dan memastikan kawasan kampung sentiasa bersih dengan mengadakan kempen-kempen kebersihan secara terancang dan berterusan.

"Selain itu, memastikan keselamatan persekitaran dan keselamatan negara dengan mengawasi persekitaran kampung dan terhindar daripada aktiviti jenayah adalah juga merupakan inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan untuk mencapai matlamat kualiti kehidupan yang tinggi di masa hadapan," katanya.

Beliau menambah, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung juga mempunyai peranan yang signifikan untuk sama-sama mencapai matlamat-matlamat negara untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan

menjelang tahun 2035.

"Antara inisiatif yang boleh menjayakan wawasan ini ialah melalui Projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P) di mana jika projek ini benar-benar diusahakan maka ia bukan sahaja boleh meningkatkan sara diri masyarakat melalui aktiviti perekonomian tetapi juga memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk kampung.

"Bagi mencapai objektif rakyat dan penduduk yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung berperanan sangat penting dalam memastikan dan mendorong golongan anak-anak kampung di kampung masing-masing akan dapat mencapai pendidikan yang sewajarnya. Ini kerana mereka adalah generasi yang akan menjadi pewaris kepimpinan dan merupakan tonggak kekuatan masa depan negara," katanya.

Terdahulu, beliau berkata, peranan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung pada hari ini telah berubah dengan jelas, iaitu selari dengan perubahan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah dikuatkuasakan bermula pada 1 April 2015.

Tujuan utama Skim Perkhidmatan ini ialah bagi mempertingkatkan, memperkukuh dan memantapkan lagi kewibawaan, mutu atau kualiti kepimpinan serta keberkesanan Institusi Penghulu dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi.

Dengan erti kata yang lain, Institusi Penghulu dan Ketua Kampung yang diakui atau diiktiraf sebagai teras kepimpinan akar umbi yang berwibawa adalah perlu

sentiasa diperkukuh dan dimantapkan demi menjamin kepimpinan yang bermutu lagi berkesan di peringkat akar umbi.

Tetamu kehormat kemudian menyempurnakan penyampaian Sijil Lantikan kepada dua Penghulu Mukim dan 16 Ketua Kampung.

Penghulu yang menerima Sijil Lantikan pada majlis itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin selaku Penghulu Mukim Tingkat III, Mukim Lumapas dan Penghulu Mukim Tingkat III, Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid.

Sementara itu, ketua-ketua kampung yang menerima Sijil Lantikan terdiri daripada Ahli-ahli MMN, iaitu Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed selaku Ketua Kampung Tingkat I, Kampung Putat; Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong selaku Ketua Kampung Tingkat I, Kampung Lumapas 'B'; Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan selaku Ketua Kampung Tingkat I, Kampung Belimbing; dan Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat selaku Ketua Kampung Tingkat III, Kampung Subok.

Turut menerima Sijil Lantikan ialah Ketua Kampung Tingkat I, Kampung Junjongan, Awang Haji Tamam@Haji Ahmad Shah Tamami bin Haji Timbang; Ketua Kampung Tingkat I, Kampung Menglait, Awang Haji Othaman bin Haji Patra; Ketua Kampung Tingkat I, Kampung Sungai Tilong, Pengiran Haji Ruzaini bin Pengiran Haji Shahbuddin; Ketua Kampung Tingkat I, Kampung Perpindahan Mata-Mata, Pengiran Muhammad Nurramzu Nasri bin Pengiran Haji Mohd Salleh; Ketua Kampung Tingkat I, Kampung Jaya Setia, Jaya Bakti dan Burong Pingai, Abdul Hafiz bin Haji Abdul Manan; Ketua Kampung Tingkat III, Kampung Pulau Baru-Baru, Sungai Bunga, Tanjong Kindana, Awang Zaini bin Haji Salleh; Ketua Kampung Tingkat III, Kampung Kapok, Awang Shahminan bin Haji Abdul Rahman; Ketua Kampung Tingkat III, Kampung Kiulap, Haji Hassan bin Haji Mohammad; Ketua Kampung Tingkat III, Ketua Kampung Menunggol, Haji Ibrahim bin Haji Osman; Ketua Kampung Tingkat III, Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Lambak, Awang Haji Omar bin Haji Sapar; Ketua Kampung Tingkat III, Ketua Kampung Lambak 'B', Pengiran Jofri bin Pengiran Haji Zaidi, dan Ketua Kampung Tingkat III, Ketua Kampung Kilanas, Haji Mohammad Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid.

Majlis disusuli dengan Bacaan Ikrar dan Majlis Menandatangani Ikrar oleh Yang Berhormat Ahli-ahli MMN, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung. Seterusnya ialah perasmian papan-papan tanda Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang dilantik di pekarangan kediaman masing-masing, disempurnakan oleh tetamu kehormat.

■ **PENYANDANG** jawatan Penghulu dan Ketua Kampung yang dilantik hendaklah individu yang berkebolehan membawakan kepimpinan berkesan dan berkualiti.

■ **PENGHULU** Mukim dan Ketua Kampung mempunyai peranan signifikan untuk mencapai matlamat negara untuk mempunyai ekonomi dinamik dan berdaya tahan menjelang Tahun 2035.

■ **PROJEK 1K1P** bukan sahaja boleh meningkatkan sara diri masyarakat melalui aktiviti perekonomian tetapi juga memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk kampung.

■ **SKIM** Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bertujuan untuk mempertingkat, memperkukuh kewibawaan kualiti kepimpinan.

■ **PENGHULU** Mukim dan Ketua Kampung berperanan penting dalam memastikan anak-anak kampung dapat mencapai pendidikan sewajarnya.



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa merasmikan papan tanda bagi rumah Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed selaku Ketua Kampung Tingkat I, Kampung Putat (kiri sekali). Sementara gambar kiri, Bacaan Ikrar oleh Yang Berhormat Ahli-ahli MMN, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

TEROKA PELUANG, TAWARAN EKSPLO PENGGAJIAN TINGGI 2023



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Ekspo Pengajian Tinggi 2023 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Universiti Teknologi Brunei (UTB) (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Isnin, 13 Februari. - Ekspo Pengajian Tinggi 2023 adalah dihasrat sebagai Pusat Informasi Sehenti (One Stop Information Centre) Pengajian Tinggi yang menggabungkan institusi-institusi dari pengajian pasca menengah, pengajian tinggi awam dan swasta serta agensi-agensi sektor pendidikan dalam negeri yang berkaitan di bawah satu platform bagi memberikan gambaran mengenai lanskap pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi yang terdapat di negara ini.

Diungkuhkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi, Ekspo Ke-8 itu diadakan secara dalam talian bermula 13 hingga 16 Februari 2023.

Ekspo Pengajian Tinggi diadakan bermula hari ini pada jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang dan akan diteruskan pada hari-hari berikutnya iaitu pada 14 hingga 16 Februari 2023, dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Ekspo Pengajian Tinggi 2023 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Universiti Teknologi Brunei (UTB) hari ini ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Majlis juga diselenggarakan dengan

perasmian laman web Jabatan Pengajian Tinggi iaitu Higher Education Hub (HE Hub) di mana platform berkenaan berfungsi sebagai pusat maklumat mengenai pendidikan tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, ia juga berfungsi sebagai sumber bagi penuntut-penuntut untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan pendidikan di peringkat pengajian tinggi serta menyediakan garis pandu hala tuju pengajian tinggi bagi mereka.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga mengadakan kunjungan ke meja-mejua maklumat bagi laman institusi dan jabatan daripada 34 institusi dan agensi yang menyertai ekspo iaitu Jabatan Pengajian Tinggi, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), UTB, Politeknik Brunei (PB), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Jabatan Pengurusan Basiswa dan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan beserta wakil daripada kedutaan-kedutaan.

Ekspo Pengajian Tinggi 2023 memberi peluang kepada orang ramai untuk berinteraksi secara sembang langsung (*live chat*) dan menghadiri persidangan video

(video conferencing) bersama institusi-institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi sektor pendidikan.

Di samping itu, ekspo itu juga akan menyediakan landasan bagi orang ramai untuk mengetahui tentang pelbagai laluan (multiple pathways) ke pengajian tinggi dan prospek pendidikan yang sedia ada bagi Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, sebanyak 34 buah institusi pengajian tinggi, agensi perkhidmatan pendidikan dan juga agensi-agensi kerajaan dan swasta menyertai Ekspo Pengajian Tinggi Ke-8 2023 termasuk institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam negeri, institusi dari luar negara, kedutaan dan agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Antara institusi-institusi pengajian tinggi awam Brunei Darussalam yang menyertai ekspo ini adalah UBD; UNISSA; UTB; PB; IBTE manakala institusi pengajian tinggi swasta yang turut serta ialah Laksamana College of Business (LCB); Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT); Kemuda Institute (KI); Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants Academy Sdn. Bhd. (BICPA); Jerudong Park Medical Centre College of Health Sciences (JCHS) dan Kolej International Graduate Studies (KIGS).

Ekspo tersebut juga turut disertai oleh tiga institusi dari luar negara iaitu Centre for Technology

Excellence, Sarawak, Malaysia; Gachon University, Republik Korea dan i-CATS University College, Sarawak, Malaysia.

Institusi-institusi tersebut akan menawarkan program-program, mengongsikan syarat-syarat kemasukan dan tatacara pendaftaran serta segala maklumat yang berkaitan dengannya.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga akan membarigakan maklumat-maklumat terkini seperti Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi atau Higher Education Centralized Admission System (HECAS), Basiswa-basiswa Kerajaan dan permohonan bagi mendapatkan pengiktirafan kursus atau kelulusan.

Jabatan-jabatan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan yang menyertai ekspo ini adalah Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengurusan Basiswa, Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Jabatan Pengurusan Pendidik, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Unit Kaunseling dan Unit Pendidikan Kerjaya (Jabatan Sekolah-Sekolah) dan Pusat Keusahawanan Inovasi.

Manakala kedutaan-kedutaan, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang turut serta dalam ekspo ini adalah seperti berikut Kedutaan Jepun; Kedutaan Besar Republik Rakyat China; Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri; HRD

Services; Syarikat Pakar Tenaga Bersatu Sdn. Bhd.; Mahkota Maju Sdn. Bhd.; Beyond Tomorrow; MEG Educational Services; Australian Trade and Investment Commission (Austrade); Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Group of Companies; Baiduri Bank; Hengyi Industries Sdn. Bhd. dan Brunei Shell Petroleum (BSP).

Sesi webinar juga akan diadakan sepanjang Ekspo Pengajian Tinggi 2023 di mana sebanyak 39 tajuk telah dijadualkan secara dalam talian.

Antara tajuk webinar yang akan disampaikan adalah tatacara permohonan HECAS, peluang-peluang tawaran biasiswa dan program pembelajaran sepanjang hayat. Semua sesi webinar akan dimuat naik di laman sesawang YouTube melalui saluran 'HE Virtual Expo Brunei' bagi kemudahan orang ramai.

Ekspo berkenaan dibukakan kepada orang awam terutama bagi lepasan menengah dan pra-universiti iaitu lepasan Brunei-Cambridge G.C.E. Peringkat 'O' dan 'A' atau kelulusan yang sebanding dengannya yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat tinggi seperti program National Technical Education Certificate (NTec), Higher National Technical Education Certificate (HNTEC), Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran serta mereka yang ingin mengembangkan kemahiran secara *upskilling* (meningkatkan kemahiran yang ada) dan *reskilling* (mempelajari kemahiran baharu yang lain).

Orang ramai yang berhasrat untuk menyertai ekspo tersebut boleh membuat pendaftaran secara dalam talian (*online*) melalui portal Ekspo Pengajian Tinggi di <https://heexpo.moe.gov.bn>.



SEKITAR Ekspo Pengajian Tinggi 2023 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, UTB.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?

CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau **E-mel (query@spa.gov.bn)** serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Risiko Sembahyang Di Akhir Waktu

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PERINTAH mengerjakan sembahyang fardhu lima waktu dari Allah Ta'ala kepada umat Islam terjadi ketika peristiwa Isra' dan Mi'raj Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Dalam memperingati peristiwa bersejarah ini, antara perkara yang penting bagi setiap orang Islam ialah untuk menilai semula sejauh mana kesempurnaan pelaksanaan ibadah sembahyangnya dan seterusnya berusaha untuk menyempurnakannya sebaik mungkin.

Sembahyang fardhu lima waktu mempunyai waktu-waktu tertentu yang telah ditetapkan oleh syara' sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Sesungguhnya sembahyang itu ialah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya.

(Surah an-Nisaa': 103)

Antara perkara yang utama dalam memelihara ibadah sembahyang ialah mengerjakan sembahyang di dalam waktu yang telah ditetapkan sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Peliharalah (kerjakan dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardhu.

(Surah al-Baqarah: 238)

Dalam perkara mengerjakan sembahyang di dalam waktunya, mengerjakan sembahyang di awal waktu adalah perkara yang afdhal dilakukan. Dalam satu riwayat daripada Ummu Farwah, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pernah ditanya apakah amalan yang paling utama? Baginda lalu menjawab:

Maksudnya: Sembahyang pada awal waktunya.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Berkaitan dengan mengerjakan sembahyang di awal waktu ini, apakah risiko jika sembahyang itu dikerjakan di akhir waktu? Berikut adalah penjelasan mengenainya.

Sembahyang Di Dalam Waktu

Kewajipan untuk mengerjakan sembahyang bermula sebaik sahaja masuk waktu sembahyang tersebut. Perkara yang afdhal ialah menyegerakan sembahyang di awal waktu. Walau bagaimanapun harus juga bagi seseorang itu mengakhirkkan sembahyang dari awal waktunya dengan syarat hendaklah dia berazam untuk mengerjakan sembahyang tersebut dalam waktunya. Sekiranya seseorang itu telah berazam untuk mengerjakan sembahyang di dalam waktunya yang ditetapkan namun dia meninggal dunia sebelum sempat mengerjakan sembahyang tersebut, maka dia tidak berdosa walaupun pada hakikatnya dia mempunyai kesempatan untuk mengerjakan sembahyang tersebut.

Keharusan mengakhirkkan sembahyang dari awal waktu itu berterusan sehingga baki waktu itu hanya cukup untuk mengerjakan semua rukun sembahyang tersebut. Apabila baki waktu itu hanya cukup untuk mengerjakan semua rukun sembahyang, maka wajib dia mengerjakan sembahyang dengan serta-merta kerana waktu itu sudah menjadi sempit.

Mengakhirkkan Sembahyang

Mengakhirkkan sembahyang dengan sengaja tanpa keuzuran sehingga menyebabkan sebahagian sembahyang itu dikerjakan di luar daripada waktunya hukumnya adalah haram dan berdosa walaupun bahagian daripada sembahyang yang keluar daripada waktunya itu adalah ketika melakukan salam yang pertama.

Menurut Imam Ibn Hajar Rahimahullah dalam kitab az-Zawajir, sengaja mengakhirkkan sembahyang sehingga luput waktunya tanpa keuzuran adalah termasuk dalam dosa-dosa besar. Firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Maka mereka kemudiannya digantikan oleh generasi (jahat) yang mencuaikan sembahyang dan menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat) maka mereka akan menghadapi kecelakaan (azab pada hari Kiamat). Tetapi orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amalan salih maka mereka itu akan masuk ke dalam syurga dan mereka tidak dizalimi sedikit pun.

(Surah Maryam: 59-60)

Menurut Ibn Mas'ud Radhiallahu 'anhu mencuaikan sembahyang (أضاعوا الصلوة) dalam ayat di atas bukanlah hanya bermakna meninggalkan sembahyang sama sekali tetapi mengakhirkkan sembahyang sehingga keluar daripada waktunya.

Sembahyang Di Akhir Waktu

Jika seseorang memulakan sembahyang di akhir waktu, lalu waktu sembahyang pun berakhir di pertengahan sembahyangnya, maka dalam keadaan ini sembahyangnya tetap sah. Jika dia dapat melakukan satu rakaat yang sempurna atau lebih di dalam waktunya, maka sembahyangnya dikira sebagai sembahyang yang dikerjakan di dalam waktu dan keseluruhan sembahyangnya dikira sebagai tunai. Jika dia tidak dapat melakukan satu rakaat yang sempurna di dalam waktunya, maka sembahyangnya dikira sembahyang di luar waktu dan keseluruhan sembahyangnya dikira sebagai qadha'.

Maksud satu rakaat yang sempurna ialah mengangkat kepala daripada sujud yang kedua dalam sembahyang sebelum waktu sembahyang tersebut berakhir. Ini bererti, bagi orang yang sembahyang di akhir waktu, satu rakaat yang sempurna itu ialah mengangkat kepala daripada sujud yang kedua dalam rakaat yang pertama sebelum waktu sembahyang tersebut berakhir.

Sembahyang Mengikuti Imam Di Akhir Waktu

Seorang yang sembahyang di akhir waktu, keharusan mengerjakan sembahyang mengikuti imam adalah tertakluk kepada keadaan-keadaan tertentu sebagaimana berikut:

1. Jika dia sembahyang seorang diri dia akan mendapat kesemua rakaat sembahyang itu di dalam waktu berbanding jika dia sembahyang mengikuti imam dia hanya akan mendapat sebahagian sahaja atau satu rakaat sahaja daripada sembahyang itu di dalam waktu, maka dalam keadaan begini hukum sembahyang seorang diri adalah wajib baginya supaya sembahyang itu keseluruhannya dikerjakan di dalam waktunya dan haram baginya sembahyang



mengikuti imam.

Demikian juga, orang yang memulakan sembahyang di akhir waktu dan pada ketika itu dia nampak seorang imam sedang duduk tahiyat akhir dalam sembahyang. Dia tahu jika dia sembahyang seorang diri, dia akan mendapat satu rakaat di dalam waktu akan tetapi jika dia sembahyang mengikuti imam tersebut dia mendapat kurang daripada satu rakaat dalam waktu. Dalam keadaan begini, hukum sembahyang mengikuti imam adalah haram baginya.

2. Jika dia hendak memulakan sembahyang di akhir waktu dan pada ketika itu dia melihat seseorang sedang melakukan ruku' serta dia tahu jika dia sembahyang dengan berimamkan orang tersebut dia akan mendapat satu rakaat di dalam waktu kerana bacaan surah al-Fatihahnya adalah ditanggung oleh imam berbanding jika dia sembahyang seorang diri dia tidak akan mendapat satu rakaat di dalam waktu kerana dia wajib membaca surah al-Fatihah. Dalam keadaan begini, hukum sembahyang mengikuti imam dan ruku' bersama-samanya adalah wajib baginya supaya dia mendapat satu rakaat di dalam waktu.

Demikianlah penjelasan mengenai risiko sembahyang di akhir waktu.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

AL-QURAN merupakan kalam Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan dan pedoman manusia. Ia satu mukjizat teragung daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang tiada tolok bandingnya dan wajib disyukuri oleh setiap manusia. Di dalamnya menerangkan kebenaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, pelengkap kehidupan manusia serta kekal relevan sepanjang abad dan masa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala, di dalam Surah Al-Kahfi, ayat 1 - 2 yang mafhumnya :

"Segala pujian untuk Allah yang telah menurunkan Al-Quran pada hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) kitab (Al-Quran) dan Dia tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong daripada kebenaran dan pertentangan lafaz dan makna). (Al-Quran itu kitab) yang lurus untuk memberi peringatan (kepada orang-orang kafir) tentang seksa yang berat dari sisi-Nya dan menyampaikan khabar berita gembira kepada orang yang beriman yang mengerjakan amalan-amalan salih bahawa sesungguhnya bagi mereka ganjaran yang baik (syurga)".

Sesungguhnya Al-Quran sentiasa terpelihara hingga ke Hari Kiamat. Ketelitian para sahabat Radhiallahu'anhu dalam menulis nas Al-Quran dengan tepat telah bermula sejak zaman Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sesungguhnya proses menulis, menghafaz,

BERSAMA MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN

menyusun serta pembukuan mashaf ini bukan hanya demi memelihara kesucian dan ketinggian Al-Quran itu sendiri, tetapi supaya ia bermanfaat kepada setiap generasi dan zaman. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hijr, ayat 9, mafhumnya :

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan sesungguhnya Kami benar-benar Pemeliharanya (daripada perubahan, penyelewengan, penambahan dan pengurangan)".

Memelihara kesucian Al-Quran adalah satu amanah yang amat besar. Sebagai seorang Muslim, kita bukan hanya diperintahkan untuk membaca, menghayati serta mengamalkan isi kandungan Al-Quran semata-mata, tetapi kita juga berperanan dalam memelihara kesuciannya daripada sebarang bentuk kesalahan dan penyelewengan. Justeru, sebagai pencinta Al-Quran sewajarnya kita berperanan dalam sama-sama menjaga kemuliaan dan kesucian Al-Quran melalui pendidikan diri, keluarga dan anak-anak dalam sama-sama

menghidupkan Al-Quran melalui pembacaan dan penghayatannya. Sentiasalah memelihara dan mengamalkan adab-adab pembacaan Al-Quran. Memastikan ia sentiasa diletakkan pada kedudukan dan tempat yang betul selepas kita menggunakannya. Selain itu juga kita sewajarnya memastikan aplikasi Al-Quran di dalam telefon pintar kita adalah tepat dan sahih.

Kita juga disarankan agar memastikan proses pelupusan mashaf lama dan cebisan ayat-ayat Al-Quran dilaksanakan dengan cara yang tepat dan betul dengan merujuk kepada pihak yang berkenaan jika ada sebarang kemusykilan berkaitan perkara ini. Jangan ambil mudah dengan membuang helaian dan cebisan ayat-ayat suci Al-Quran ke dalam bakul-bakul sampah dan beranggapan proses pelupusan tersebut telah selesai dengan cara tersebut.

Penyaluran informasi dan maklumat kepada masyarakat awam tentang kepentingan memelihara mashaf Al-Quran melalui media sosial seperti WhatsApp,

Instagram, Facebook, Telegram, TikTok dan sebagainya hendaklah dimanfaatkan secara optimum. Melalui kaedah ini, sudah tentu banyak manfaat dapat dikongsi dan diperolehi dalam usaha kita membina kesedaran yang tinggi kepada masyarakat.

Selain itu, semua pihak sewajarnya menerapkan budaya membaca dan menghayati Al-Quran kepada masyarakat melalui pelaksanaan program-program berteraskan Al-Quran tanpa mengira peringkat usia di pelbagai saluran sama ada stesen televisyen, radio dan media sosial. Program-program seperti Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan sebagainya merupakan inisiatif yang sangat baik dalam menyebarkan Al-Quran ke dalam jiwa.

Sesungguhnya tugas memelihara Al-Quran dari sudut penguatkuasaan, kualiti dan ketepatan cetakan mashaf Al-Quran bukanlah tanggungjawab pihak berkuasa semata-mata, tetapi ia juga memerlukan kerjasama dan kesepaduan semua agensi sama ada kerajaan, swasta, para pemimpin, pendakwah dan masyarakat keseluruhannya.

Masing-masing berperanan dalam memastikan semua bahan cetakan termasuk mushaf Al-Quran yang dibawa masuk ke negara ini adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Semoga dengan segala usaha kita memelihara kesucian Al-Quran akan meraih ganjaran pahala yang berpanjangan dan kehidupan kita sentiasa dinaungi keberkatan dan kerahmatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

MEMELIHARA kesucian Al-Quran adalah satu amanah yang amat besar. Sebagai seorang Muslim, kita bukan hanya diperintahkan untuk membaca, menghayati serta mengamalkan isi kandungan Al-Quran semata-mata, tetapi kita juga berperanan dalam memelihara kesuciannya daripada sebarang bentuk kesalahan dan penyelewengan. Justeru, sebagai pencinta Al-Quran sewajarnya kita berperanan dalam sama-sama menjaga kemuliaan dan kesucian Al-Quran melalui pendidikan diri, keluarga dan anak-anak dalam sama-sama menghidupkan Al-Quran melalui pembacaan dan penghayatannya.

KEPUTUSAN TAWARAN TERTUTUP TPK SIRI BBD DIUMUMKAN

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Februari. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa keputusan Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) bagi tiga dan empat angka Siri BBD melalui Click-and-Bid akan diumumkan melalui laman sesawang JPD di www.jpd.gov.bn dan juga www.nomborku.gov.bn pada Selasa, 14 Februari 2023.

Sukacita dimaklumkan semua penender yang telah mengikuti Tawaran Tertutup TPK sama ada berjaya atau sebaliknya juga akan menerima e-mel mengenai keputusan tawaran tersebut melalui e-mel yang telah didaftarkan bersama pihak JPD.

Penender yang berjaya adalah dikehendaki untuk mematuhi terma dan syarat pendaftaran kenderaan seperti yang telah ditetapkan.

Penender yang berjaya adalah dikehendaki menjelaskan keseluruhan menjabarkan dan mendaftarkan TPK di atas nama penender sendiri tidak lewat satu bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan.

Jika penender gagal untuk melunaskan pembayaran dalam tempoh satu bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan, tawaran TPK penender adalah dibatalkan.

Sementara itu, permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bolehlah dipohonkan setelah bayaran penuh dijelaskan dan dihadapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh Surat Tawaran Berjaya dikeluarkan.

Jumlah bayaran bagi melanjutkan tempoh mendaftar (*holding fee*) TPK adalah sebanyak BND60 bagi tempoh tiga tahun dan selepas tempoh tiga tahun, sekiranya pemohon belum mendaftarkan TPK dan berhasrat untuk menyimpan TPK bolehlah mengulangi pembayaran penahanan TPK (*holding fee*) sebanyak BND60 bagi melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bagi tempoh tiga tahun lagi sehingga TPK berkenaan didaftarkan.

Jika penender ingin menyerahkan TPK berkenaan, persyaratan perkhidmatan serah adalah seperti berikut iaitu penender dikehendaki membuat

bayaran perkhidmatan serah berjumlah BND5 dan TPK hanya boleh diserahkan selepas tempoh 12 bulan dari tarikh Surat Berjaya.

Seterusnya, TPK boleh diserahkan kurang daripada 12 bulan dari tarikh Surat Berjaya dengan syarat TPK berkenaan telah digunakan (didaftarkan) atas nama pemilik TPK.

Penender yang gagal untuk membayar harga tawaran TPK yang ditawarkan akan disenaraihitamkan dari menyertai tawaran tertutup bagi tempoh satu tahun dan TPK berkenaan akan ditawarkan semula.

JPD sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada penender-penender yang berjaya dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penender diatas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui talian +673 2451990/91, WhatsApp, +6737181641 atau melalui e-mel, info_ltd@jpd.gov.bn. Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.jpd.gov.bn dan Instagram [@jpd.bn](https://www.instagram.com/jpd.bn) bagi maklumat lanjut.



KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan siji-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau siji-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.



MINDA PEMBACA

Memperkasa masyarakat berkelainan upaya

ORANG Kelainan Upaya (OKU) adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat.

Justeru, golongan OKU juga merupakan sebahagian daripada masyarakat. Mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Oleh itu, wajar untuk kita mengenal pasti usaha-usaha yang dapat dikerahkan bagi memperkasa masyarakat berkelainan upaya untuk menjalani

kehidupan dengan lebih baik.

Inisiatif utama dalam membantu golongan OKU adalah dengan membuka mata masyarakat akan keistimewaan yang dimiliki oleh OKU. Kita harus mengubah stigma masyarakat yang berpendapat golongan OKU ini tidak dapat menyumbang apa-apa ke arah kebaikan. Persepsi yang tirus ini harus diubah di mana golongan OKU memerlukan bimbingan yang betul dan sesuai dengan keadaan mereka sebelum mereka memahami sesuatu perkara dan mampu mempelajari sesuatu yang dapat memberi nilai kepada diri mereka.

Usaha lain yang dapat dijalankan untuk memperkasa masyarakat

berkelainan upaya adalah dengan memberikan peluang pendidikan serta latihan kemahiran yang sesuai dengan kemampuan mereka. Inisiatif pihak kerajaan dalam memperkenalkan jurusan yang khusus dalam pendidikan khas di institusi pengajian harus disokong sebagai langkah membantu golongan ini. Pihak swasta juga boleh mengusahakan pusat-pusat terapi dan pembelajaran bagi golongan OKU ini di mana ia adalah keperluan masyarakat hari ini.

Kesimpulannya, pelbagai usaha boleh dimanifestasikan dalam memperkasa masyarakat berkelainan upaya supaya mereka mampu berdiri di atas kaki sendiri dan duduk sama tinggi dengan setiap ahli masyarakat.

Semua pihak memainkan peranan penting dalam membela nasib dan masa depan golongan OKU kerana mereka juga berhak untuk berjaya dan rasa dihargai oleh keluarga, masyarakat dan negara. Sesungguhnya, setiap kehidupan yang dilahirkan di muka bumi ini mempunyai potensi dan tujuan yang mampu memberi kebaikan kepada sesiapa sahaja.

Nama: Muhammad Rahmat bin Roslan
No. K/P: 01-107XXX (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Langkah Memupuk Semangat Patriotik'. Tarikh Tutup : 15 Februari 2023
2. 'Bersama Mencegah Penyakit Kanser'. Tarikh Tutup : 22 Februari 2023
3. 'Berbelanja Berhemah, Elakkan Berhutang'. Tarikh Tutup : 1 Mac 2023

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BKISHHB TERIMA KUNJUNGAN DARULFATWA ISLAMIC HIGH COUNCIL AUSTRALIA



BALAI Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) menerima Lawatan Muhibah daripada rombongan Darulfatwa Islamic High Council Australia yang diketuai oleh Mufti Australia, Profesor Syaikh Salim Alwan (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Februari. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) menerima Lawatan Muhibah daripada rombongan Darulfatwa Islamic High Council Australia yang diketuai oleh Mufti Australia, Profesor Syaikh Salim Alwan.

Hadir mengalu-alukan kedatangan rombongan, Pemangku Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad; dan Timbalan Pengarah BKISHHB, Haji Muhammad Ibrahim bin Haji Juma'at.

Turut hadir bersama rombongan ke BKISHHB ialah Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

Profesor Syaikh Salim Alwan serta rombongan memulakan lawatan dengan menandatangani Lembaran Kenangan dan diikuti dengan penyerahan cenderamata daripada Dr. Haji Awang Mohammed Hussain.

Rombongan kemudiannya beredar ke galeri pameran BKISHHB dan mengakhiri lawatan berkenaan dengan sesi bergambar ramai.

Galeri-galeri pameran di

BKISHHB dibuka semula untuk kunjungan orang ramai bermula 12 Disember 2022 mulai dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari kecuali Jumaat.

Galeri 3 yang menempatkan Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam akan dibukakan untuk kunjungan orang awam bersempena dengan Sambutan Israk Mikraj pada Sabtu, 27 Rejab 1444H bersamaan dengan 18 Februari 2023M bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan pada Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, iaitu Khamis, 2 Syaaban 1444H bersamaan dengan 23 Februari 2023M bermula jam 1.30 petang hingga 5 petang.



Mempraktikkan kaedah teknologi pada tanaman, pengurusan

Berita dan Foto : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

TUTONG, Isnin, 13 Februari. - Syarikat Ibnu Anwari Enterprise merupakan sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang diuruskan oleh anak tempatan iaitu Mohd. Faiyadh Syairazie bin Anwari.

Syarikat ini mula mengusahakan bidang pertanian pada bulan Julai 2019 melalui Projek Rintis Belia dengan keluasan 1.2 hektar bagi tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan bermusim selama dua tahun.

Pada November 2021 syarikat tersebut diberi kebenaran tambahan tapak seluas 2 hektar yang menjadikan keseluruhan kawasan seluas 3.2 hektar di Kawasan Kemajuan Pertanian Kampung Sinaut, Tutong.

Bermula dari kaedah tanaman secara konvensional, secara berfasa syarikat tersebut juga turut mempraktikkan serta menggunakan beberapa kaedah teknologi pada tanaman antaranya dengan penggunaan rumah terlindung dan sistem pengairan / pembajaan irigasi pada batas tanaman selain beberapa peralatan dan jentera pertanian

bagi memudahkan dan meringankan kerja-kerja harian ladang.

Selaras dengan kemajuan teknologi pada ketika ini, syarikat berkenaan juga turut menggunakan salah satu aplikasi mudah alih yang boleh memantau operasi harian ladang melalui telefon bimbit.

Dengan menggunakan aplikasi tersebut, pihak pengurusan dapat merancang, menjangkau atau menyemak setiap rekod plot tanaman dengan mudah dan bersistematik hanya pada hujung jari.

Malah para pekerja akan mengetahui tugas harian dan mengemas status kerja yang ditetapkan dengan hanya mengakses telefon bimbit masing-masing menerusi aplikasi dimaksudkan setiap hari sebelum dan selepas waktu bekerja.

Antara tanaman yang ada pada ketika ini ialah lada hidup, lada Thailand, kacang bendi, kacang panjang, terong, timun, lobak putih,

limau kasturi, serai wangi dan kunyit.

Ketika ini syarikat berkenaan mempunyai tiga pekerja tempatan dan tiga pekerja warga asing.

Bagi memastikan hasil sayur-sayuran ladang dalam keadaan bersih dan berkualiti, penyediaan ruang lepas tuai turut disediakan oleh pihak syarikat di mana kerja-kerja pemilihan gred sayur-sayuran, pembungkusan dan timbangan dilakukan

diruangan yang disediakan dengan mempraktikkan beberapa garis pandu yang ditetapkan dalam Brunei GAP.

Platform Pasar Kitani yang diadakan setiap Ahad dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah membuka lagi ruang untuk syarikat menjalinkan rangkaian perniagaan dengan beberapa pengusaha dan

pengguna untuk pasaran hasil-hasil keluaran ladang.

Syarikat Ibnu Anwari Enterprise juga telah membuka sebuah kedai berkonsepkan Green Mart (Local Fresh Farm Produce) yang terletak di Daerah Tutong.

Ia merupakan usaha bersama dengan salah seorang rakan pengusaha sebagai salah satu inisiatif untuk mempertingkatkan hasil sayur-sayuran segar ladang tempatan kepada para pengguna.



ANTARA yang ditanam pada masa ini (kanan dan kanan sekali).

AITI LANCAKARKAN CODING.BN KOHORT 2



KETUA Pegawai Eksekutif AITI, Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar juga selaku Ketua Bersama Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Manusia untuk Sektor ICT (MISC-WG ICT) hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada majlis berkenaan.

Dalam Program Kohort 2, 60 pencari kerja belia disasarkan untuk dipertingkatkan dalam keupayaan programming dan kecekapan berkaitan ICT, untuk memenuhi keperluan industri dan meningkatkan potensi mereka untuk bidang pekerjaan.

Semasa program ini, para peserta akan menjalani tiga bulan pembelajaran intensif dan tiga bulan latihan sambil bekerja dengan organisasi hos. Para peserta juga akan dibimbing oleh pakar industri di sepanjang program berkenaan.

Turut serta dalam program tersebut sebagai organisasi hos ialah Activ8 BN, Dossyr Corporation, DotRoot Technologies Sdn. Bhd., EVYD Technology Sdn. Bhd., InnovAero Sdn. Bhd., Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd., Kolej International Graduate Studies (IGS) Brunei Darussalam, LabWorks Digital, Livewire, MenG: Game Company, Network Integrity Assurance Technologies Sdn. Bhd. (NiAT), Progresif Sdn. Bhd., Rumine Corporation, Sphere Sdn. Bhd., Super Squad BN dan Track and Roll Sdn. Bhd.

Syarikat atau organisasi lain yang berminat untuk menjadi hos dan berpotensi untuk memberi peluang pekerjaan kepada peserta adalah dialu-alukan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Februari. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) secara rasmi melancarkan Coding.bn Kohort 2 yang diadakan di Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi, Anggerek Desa, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pegawai Eksekutif AITI, Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar juga selaku Ketua Bersama

Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Manusia untuk Sektor ICT (MISC-WG ICT). Turut hadir, Ahli MISC-WG ICT serta peserta dan organisasi hos Coding.bn Kohort 2.

Acara dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Penolong Ketua Eksekutif, Bahagian Pembangunan Industri, AITI, Awang Norshahrul Nizam bin Haji Othman, diikuti dengan pembentangan mengenai Coding.bn oleh Ketua Pegawai

Eksekutif Grominda Sdn. Bhd., Md. Nur Aiman bin Haji Minorhadi selaku fasilitator yang dilantik untuk Coding.bn Kohort 2.

Coding.bn, inisiatif AITI dan salah satu program yang diiktiraf di bawah MISC-WG ICT iaitu program enam bulan yang direka untuk menyediakan pencari kerja belia ICT, dengan kemahiran programming yang diperlukan, bagi menjadikan mereka lebih berkebolehan bekerja dan bersedia dalam industri.

Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang antara apa yang dipelajari oleh peserta

semasa pengajian mereka dengan permintaan pasaran hari ini.

Program ini juga menggalakkan pengalaman pendidikan yang menyeluruh dan memberikan penekanan sama pada kecekapan teknikal, pengalaman praktikal dan pembangunan profesional untuk peserta mereka.

Seramai 59 peserta berjaya melengkapkan Coding.bn Kohort 1 pada 30 September 2021. Setelah selesai, ramai yang berjaya diambil bekerja di syarikat pengehosan mereka dalam jawatan yang berkaitan dengan programming.

12 peserta memperdengarkan bacaan Al-Quran

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Februari. - Seramai 12 peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah dalam Kategori 'E' memperdengarkan bacaan mereka hari ini yang berlangsung di Institut

Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolkiyah, di sini.

Dari jumlah tersebut, 10 lelaki dan dua perempuan bertanding dalam kategori berkenaan iaitu Menghafaz 30 Juz Al-Quran, daripada Juz 1 hingga Juz 30 Berserta Pemahaman Surah Al-Mujadilah, Surah Al-Hashr,

Surah Al-Mumtahanah, Surah As-Saff, Surah Al-Munafiqun, Surah At-Taghaabun, Surah At-Talaq dan Surah At-Tahrim.

Manakala pada sebelah petang, musabaqah memperdengarkan hafazan daripada 12 peserta dalam Kategori ;D; iaitu Menghafaz 15 Juz Al-Quran, daripada Juz 1 hingga Juz 15 Berserta Pemahaman Surah Maryam, Surah Thaha, Surah Al-Anbiya dan Surah Al-Hajj.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan itu akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 16 Februari 2023.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS bagi menyemarakkan Hari-hari Kebesaran Islam dan ia merupakan antara pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan pada setiap tahun.

Pada tahun ini, Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya disertai seramai 60 peserta yang dibahagikan kepada lima kategori iaitu Kategori 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E'.

Sementara itu, Kategori 'A' adalah Menghafaz 1 juz iaitu Juz 30 Berserta Pemahaman Juz 30, dan Kategori 'B' pula Menghafaz Surah-Surah Pilihan iaitu Surah Al-Jumu'ah, Surah Luqman, Surah As-Sajdah, Surah Ar-Rahmaan, Surah Al-Waqi'ah, Surah Al-Mulk, Surah Al-Insan, Surah Yaa Siin dan Surah Al-Jinn Berserta

Pemahaman Surah Al-Kahfi dan Surah An-Nur, dan Kategori 'C' Menghafaz Surah Al-Baqarah dan

Surah Ali-'Imraan Berserta Pemahaman Surah An-Nisa dan Surah Al-Maa'idah.



ANTARA yang memperdengarkan bacaan (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah.



Ketahui Garis Panduan Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam dengan mengimbas kod QR dan memuat turun buku Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Unit Kenegaraan
Seksyen Komunikasi Strategik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Facebook: Peta Brunei
Instagram: @pelita.bn
Twitter: @pelita.bn

**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Pembersihan
Longkang Dan Persekitarannya
Di Kawasan Lapangan Terbang
Antarabangsa Jabatan
Penerbangan Awam
AME / 2022-2023 / SH - 21
(Kelas I, dan II)

**Tarikh iklan / mengambil
dokumen Sebut harga :**
Rabu,
15 Februari 2023

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Selasa,
28 Februari 2023

Tarikh Tutup Sebut Harga :



Rabu,
1 Mac 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bahagian Kewangan,
Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
V & VI

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM001 / 2023

Nama Projek :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun
bagi Kerja-Kerja
Penyelenggaraan dan
Perkhidmatan Aset Bangunan
di bawah Kementerian
Pembangunan,



Negara Brunei Darussalam

Bilangan Projek :
2023DBSBM / MOD.01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
28 Februari 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mac 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Penerbitan Iklan Universiti
Islam Sultan Sharif Ali**

1. UNISSA / SB0074 / 2022 /
2023 - ONE (1) YEAR TERM
CONTRACT FOR ELECTRICAL
MAINTENANCE WORKS FOR
HOSTEL AT UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
GADONG CAMPUS - [CLASS : 1
AND ABOVE] & [CATEGORY :
E01 & E02 - WITH VALID
REGISTERED COMPANY AND
WORKERS REGISTRATION
WITH MOD & DES]

2. UNISSA / SB0075 / 2022 /
2023 - ONE (1) YEAR TERM
CONTRACT FOR ELECTRICAL
MAINTENANCE WORKS AT
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA) GADONG
CAMPUS - [CLASS : 1 AND
ABOVE] & [CATEGORY : E01 &
E02 - WITH VALID
REGISTERED COMPANY AND



WORKERS REGISTRATION
WITH MOD & DES]

3. UNISSA / SB0076 / 2022 /
2023 - ONE (1) YEAR TERM
CONTRACT FOR ELECTRICAL
MAINTENANCE WORKS AT
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA) SINAUT
TUTONG CAMPUS - [CLASS : 1
AND ABOVE] & [CATEGORY :
E01 & E02 - WITH VALID
REGISTERED COMPANY AND
WORKERS REGISTRATION
WITH MOD & DES]

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak Lewat Rabu,
1 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA**

Jemputan Untuk Memberi
Tawaran

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 065 / 2022

Tajuk Tawaran :
Provision of 2nd Level
Customer Support Agents For
DES Customer Services Center,
Brunei Muara District for a
period of 3 Years

Harga Dokumen :
BN50.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri, Jabatan Perdana
Menteri, Bandar Seri Begawan,
BB3913, Negara Brunei
Darussalam

Kelayakan :
Pemborong yang berdaftar
dengan 'Registry of Companies
and Business Names (ROCBN)'

Tarikh Tutup :
Selasa, 7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari Unit
Pematuhan Proses dan Manual,
Tingkat 4, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan
Perdana Menteri.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Quotation Notice

Quotation No. :
33 / JMM / S / 12 / 91
(2022 / 2023)

Quotation For :
Sebut Harga Bagi 'Design And
Build Display Cabinet / Wall
Panel And Painting Works At
Gallery 1 & 2', Muzium Maritim
Brunei Darussalam

Not later than 2.00 PM on
16 February 2023 (Thursday)



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Quotation Notice

Quotation No. :
32 / JMM / S / 12 / 91
(2022 / 2023) - R

Quotation For :
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Mereka Bentuk, Membekal dan
Pemasangan Kaunter Baharu
Bagi Bangunan Muzium Maritim
Brunei Darussalam, Kota Batu

Not later than 2.00 PM on
16 February 2023
(Thursday)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Syarikat-
Syarikat Yang Berdaftar Dengan
ROCBN, MOFE Dalam Bidang-
Bidang IT

Kelas :
Open

Kategori : -

Bilangan Tawaran :
PWD / DAF / HCS / 001 / 02.2023

Nama Projek :
Provision, Delivery, Installation,
Testing & Commissioning Of
Structural Design Software
Services, Jabatan Perkhidmatan
Teknikal, Jabatan Kerja Raya,
Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Sabtu, 25 Februari 2023

Tarikh Tutup :
Selasa,
28 Februari 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Jualan Secara Sebut Harga Bagi
1 Lot Harta Benda Kerajaan,
1 Lot Alat-Alat Ganti Kapal
Kepunyaan Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei

E-mel :
dfa.revenue@mindef.gov.bn
Telefon : +673 2386614

**Tarikh Tutup
Pengantaran Borang :**
Rabu, 6 Mac 2023,
Tidak lewat jam 10.00 Pagi



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA**

Jemputan Untuk Memberi
Tawaran

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PSP / 063 / 2022

Tajuk Tawaran :
Penyediaan Bekalan Elektrik
Bagi Kawasan Kemajuan
Pertanian Batang Mitus, Tutong

Harga Dokumen :
BN100.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
Mempunyai pendaftaran
syarikat dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3, 4
atau 5 sahaja dalam kategori
E03 dan mempunyai pekerja
yang berdaftar dengan JPE
dalam kategori E03.

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 Februari 2023,
Jam 2.00 Petang

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari Unit
Pematuhan Proses dan Manual,
Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 275 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND737.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 276 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin :
BND755.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 277 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Dato Ratna Hj Muhd Jaafar, Kiarong, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND274.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 278 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Pular Ulak, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND230.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 279 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas Subok, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND182.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 280 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Delima Satu, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND268.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 281 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Dato Marsal, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND476.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 282 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND134.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 283 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Jerudong, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND325.00

Syarat Khas :
Dibukakan khas bagi Warga Negara dan Penduduk Tetap yang tinggal dan beralamat di Daerah Brunei Muara sahaja.

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 284 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kampung Kupang, Daerah Tutong. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND96.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 285 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Penapar, Daerah Tutong. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND76.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 286 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Penanjong, Daerah Tutong. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND75.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 287 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Bukit Udal, Daerah Tutong. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND43.00

Syarat Khas :
Dibukakan khas bagi Warga Negara dan Penduduk Tetap yang tinggal dan beralamat di Daerah Tutong sahaja.

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 288 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Kuala Belait, Daerah Belait. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND179.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 289 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Rendah Pengiran Jaya Setia Pengiran Abdul Momin, Daerah Belait. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND539.00

Syarat Khas :
Dibukakan khas bagi Warga Negara dan Penduduk Tetap yang tinggal dan beralamat di Daerah Belait sahaja.

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 290 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi Ibu Pejabat, Kementerian Pendidikan

Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan. Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Harga Sewa Kantin :
Tertakluk Kepada Pengusaha

Syarat Khas :
Dibukakan khas bagi Warga Negara dan Penduduk Tetap yang tinggal dan beralamat di Daerah Brunei Muara sahaja.

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND10.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]



Tarikh Tutup Dan Waktu :
Sabtu, 4 Mac 2023
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II, III & IV

Kategori :
KA01 & M03 Sahaja
- Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 001 / 2023 - (SEW).T.
III

Nama Projek :
Kontrak Bermusim Tiga (3) Tahun "Integrated" bagi Kerja-Kerja Operasi dan Pemeliharaan



Sistem Pemetungan
di Daerah Temburong

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 7 Mac 2023,

Tarikh Tutup :
Selasa,
28 Mac 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran :
KK / 13 / 2023 / SSBH(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Delivery Of Eye Consumable Items For Eye Clinic, Suri Seri Begawan Hospital For A Period Of Five (5) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 14 / 2023 / ESTETMOH

Tajuk Tawaran :
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Refrigerated Air-Conditioning And Ventilation At Ministry Of Health Headquarter Complex, DSS Serasa And Halal Lab Anggerek Desa For A Period Of One (1) Year

Kelayakan :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan / atau Kementerian Pembangunan

Kelas :
II Keatas

Kategori :
M01, E01 & E02

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 15 / 2023 / SSBH(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Delivery Of Multi-Purpose Drainage Catheter For Radiology Unit, Suri Seri Begawan Hospital For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 17 / 2023 / ESTETMOH(TC)

Tajuk Tawaran :
The Provision Of Maintenance Services For Fume Cupboards Under The National Isolation Centre Laboratory For NTRL And Virology Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 18 / 2023 / HPC(TC)

Tajuk Tawaran :
Provision Of Food And Drink Vending Machines Services At Health Promotion Centre For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 19 / 2023 / HTD

Tajuk Tawaran :
The Provision Of Extracorporeal Shock Wave Lithotripsy (ESWL) System For Urology Department, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 20 / 2023 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Agglutinating Reagents For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 21 / 2023 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver External Quality Assurance Program Samples For National Virology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 22 / 2023 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Laboratory Reagents For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 23 / 2023 / HTD

Tajuk Tawaran :
The Provision Of Phacoemulsification System For The Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 24 / 2023 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Laboratory Testing Kits And Consumables For Semen Analysis And Sperm Preparation For Histology, Cytology And Mortuary Section (Andrology Laboratory), Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 25 / 2023 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Viral Nucleic Acid Extraction Kits For National Virology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Bayaran Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :

KK / 26 / 2023 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Multiplex PCR Kits And Consumables For National Virology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Bayaran Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 27 / 2023 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Blood Ketone Strips For

Point Of Care Testing Section, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 28 / 2023 / DSS(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Shimadzu Chromatography Consumables For Toxicology Section For The Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Bayaran Yuran Tawaran :



BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 Februari 2023,
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pindaan Tarikh

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / TU / TA / 05

Tajuk Tawaran :
Pembelian Aksesori Pakaian Seragam Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 Februari 2023,
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga :
ATELS / 2023 / SH-01

Tajuk tawaran :
'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING & COMMISSIONING OF IP BASED AUDIO INTERCOM SYSTEM FOR AIR TRAFFIC SERVICES CENTRE (ATSC) BUILDING'

Tarikh iklan/mengambil dokumen Sebut Harga :
Rabu, 8 Februari 2023

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :
Selasa,
21 Februari 2023,

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
22 Februari 2023
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)



MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005

Saman Gantian Dalam Mahkamah Rendah Syariah Di Daerah Brunei Dan Muara Negara Brunei Darussalam

Saman No.:
BM / MRS / MAL-A / P012A / 0895 / 12-2022

Antara

Sa'adiah binti Ali
- Plaintiff
- Pemohon

Dan

Kambar bin Mohamad / Ahmad
- Defendan
- Responden

Kepada :
Kambar bin Mohamad / Ahmad
No. Kad Pengenalan :
00-285538 (Kuning)

Beralamat :
No. 597, Kampung Kebia,

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 051 / 2022

Tajuk Tawaran :
Pengukuhan Sistem Rangkaian Bagi Stesen Pensuisan Utama Menglait

Yuran Tawaran :
BN100.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
'Tender Box'
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi

Jalan Kuala Abang Tutong, Negara Brunei Darussalam

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara pada **Sabtu, 4 Syaaban 1444H / 25 Februari 2023M pada jam 9.00 pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi Tuntutan Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
14Jamadilakhir 1444H / 7 Januari 2023M

METERAI
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam



Kelas 3, 4 atau 5

Kategori :
E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03

Tarikh Tutup :
Selasa, 7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh di Kaunter Unit Pematuhan Proses dan Manual, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

PUSAT KANSER BRUNEI ANJUR PERSIDANGAN PERUBATAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pakar Pantai Jerudong

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Februari. - Seramai 60 peserta telah menyertai Persidangan Perubatan anjuran Pusat Kanser Brunei, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) bagi mengongsikan kemajuan terkini dalam 'Cancer Management Sarcomas' dan 'Small Cell Lung Cancers' yang berlangsung di Radisson Hotel, baru-baru ini.

Persidangan tersebut telah dikongsikan oleh dua penceramah jemputan iaitu Medical

Oncologist, National Cancer Centre Singapore, Dr. Jason Chan dan Dr. Tanujaa Rajasekaran.

Dr. Jason telah membentangkan mengenai 'Management of patients with advance soft Tissue Sarcoma and Gastrointestinal Stromal Tumours (GIST)' manakala Dr. Tanujaa berkongsi pembentangan mengenai 'Small Cell Lung Cancer (SCLC) : Current Treatment Landscape'.

Juga hadir bagi memulakan persidangan, Pengarah Perubatan PJSC, Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran.

Turut hadir pada persidangan tersebut ialah doktor, ahli farmasi dan jururawat dari sektor kerajaan dan swasta.

PUSAT Kanser Brunei, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) semasa mengadakan Persidangan Perubatan yang berlangsung di Hotel Radisson, baru-baru ini.



Kurangkan kadar gula dengan lakukan senaman ini

BAGI pesakit diabetes, manfaat senaman terhadap kesihatan badan merupakan sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Senaman bukan sahaja amat baik untuk fizikal dan mental kita, tetapi ia juga dapat mengurangkan simptom diabetes. Malah, ada juga senaman kurangkan gula dalam darah yang mungkin dapat membantu penghidap kencing manis.

Bukan itu sahaja, senaman juga dapat membantu pesakit diabetes mengawal berat badan, menurunkan tekanan darah, menguatkan otot dan tulang serta meningkatkan tahap kesihatan secara am.

Sebagaimana yang disyorkan oleh The National Institutes of Health (NIH) bahawa pesakit-pesakit diabetes digalakkan untuk melakukan sekurang-kurangnya 150 minit senaman aerobik setiap minggu.

Justeru, apakah senaman yang terbaik untuk mengurangkan kadar gula dalam darah? Tip Kesihatan untuk keluaran kali ini akan menawarkan lima jenis senaman yang sekurang-kurangnya dapat mengurangkan gula di dalam darah.

Jenis-jenis senaman

Senaman mempunyai banyak manfaat untuk kita. Walau bagaimanapun, kepentingannya lebih besar terhadap penghidap diabetes. Ada senaman kurangkan gula dalam darah, boleh meningkatkan tenaga dan membantu kita tidur dengan lebih lena.

Awda tidak perlu lakukan senaman yang berat-berat. Cukuplah sekadar berjalan, melakukan Yoga atau menari bersama yang tersayang. Semua senaman ini, walaupun nampak mudah, dapat membantu pesakit kencing manis dalam mengawal simptom yang mereka alami.

1. Berjalan kaki untuk kurangkan kencing manis

a. Jarang bersenam? Jika ya, cubalah berjalan kaki. Awda tidak perlukan peralatan yang lengkap untuk lakukan senaman ini. Cukup dengan sepasang kasut dan satu tempat untuk dituju.

b. Aktiviti berjalan kaki selama 30 minit setiap hari amat bermanfaat untuk pesakit diabetes. Malah, ia dikategorikan sebagai senaman berintensiti sederhana disebabkan keupayaannya untuk meningkatkan tahap degupan jantung.

c. Susah untuk berjalan 30 minit setiap hari? Apa kata bahagikannya kepada tiga dan cuba berjalan selama 10 minit pada waktu pagi, tengah hari dan petang.

2. Berenang untuk turunkan kadar gula dalam darah

a. Berenang merupakan sejenis senaman aerobik yang ideal untuk pesakit Diabetes Jenis 2. Malah, untuk mereka yang sering sakit kaki, senaman ini lebih sesuai kerana ia tidak akan meletakkan tekanan pada kawasan tumit dan buku lali.

b. Untuk keberkesanan yang maksimum, cuba berenang sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Walau bagaimanapun, jangan lupa untuk mula dengan perlahan. Mereka yang menghidap pradiabetes juga digalakkan untuk berenang.

c. Berenang bukan sahaja merupakan satu senaman kurangkan gula dalam darah, ia juga dapat merendahkan stres, membakar kalori dan memperbaiki kadar kolesterol dalam darah.

3. Menarilah untuk lebih sihat

a. Awda suka menari? Tip Kesihatan ada berita baik untuk awda. Menari bukan sahaja dapat mengurangkan stres, ia juga boleh meningkatkan kemampuan otak untuk mengingat dengan lebih baik.

b. Bukan itu sahaja, menari juga merupakan satu cara senaman yang menyenangkan. Pasang sahaja lagu kegemaran dan menarilah selama 30 minit untuk membakar sebanyak 150 kalori.

c. Tidak ada pasangan untuk menari bersama? Jangan risau, awda boleh buka YouTube dan

lakukan pelbagai senaman aerobik. Malah, ada juga senaman yang dibuat khas untuk pesakit diabetes.

4. Cuba berbasikal sebagai senaman kurangkan gula dalam darah

a. Hampir separuh penghidap diabetes mempunyai masalah Neuropati Diabetik atau Arthritis.

b. Oleh sebab itu, mereka akan alami masalah untuk melakukan senaman berat, terutamanya yang membebankan kawasan kaki.

c. Jika awda mempunyai masalah sakit sendi, pilih senaman yang berimpak rendah. Salah satunya ialah berbasikal.

d. Berbasikal merupakan sejenis senaman aerobik yang dapat membuatkan jantung menjadi lebih kuat dan paru-paru berfungsi dengan lebih baik.

e. Malah, awda tidak perlu tinggalkan rumah untuk berbasikal. Jika anda mempunyai basikal pegun, senaman menggunakan basikal ini juga mempunyai manfaat yang sama dengan berbasikal di luar rumah.

5. Lakukan Yoga untuk lebih tenang

a. Yoga merupakan senaman tradisional yang dapat membina fleksibiliti, kekuatan dan keseimbangan badan malah ia amat bermanfaat untuk penghidap penyakit kronik, terutamanya diabetes.

b. Yoga merupakan salah satu senaman kurangkan gula dalam darah. Dalam masa yang sama, ia dapat mengurangkan stres dan membantu pesakit mengawal kondisi ini.

c. Tahukah awda, stres berkait rapat dengan kadar gula dalam darah? Jika awda semakin tertekan, kadar gula dalam darah pun akan meningkat.

d. Yoga dapat mengurangkan stres dan memperbaiki fungsi saraf. Bukan itu sahaja, yoga juga merupakan sejenis senaman yang awda boleh lakukan sebanyak mana yang awda inginkan.

Lakukan senaman dengan selamat

Melalui perkongsian Hello Doktor, jika awda menghidap diabetes, mungkin sukar untuk awda memulakan sebarang regimen senaman. Oleh sebab itu, pastikan awda berhubung dengan doktor terlebih dahulu dan dapatkan pendapat mereka sebelum memulakan apa-apa jenis senaman.

Jangan lupa, mulakan senaman secara perlahan-lahan, jangan paksa diri, lebih-lebih lagi jika awda merupakan seorang yang tidak aktif secara fizikal. Sentiasa ambil langkah berjaga-jaga dan kita semua akan terus sihat, aktif dan menjalani kehidupan dengan baik dan harmoni.



SEMAI SEMANGAT PATRIOTIK, HAYATI FUNGSI ASEAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk Nur Hafilah
Pg Osman

KUALA BELAIT, Selasa, 14 Februari. - Dalam hasratnya untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat

Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN ke Sekolah St. James, Kuala Belait.

Taklimat Kenali ASEAN kepada 70 pelajar disampaikan oleh Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Turut hadir Pengetua Sekolah, Dayang Rimani binti Sitai serta tenaga pengajar sekolah tersebut.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan

Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama menanamkan kesedaran di kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Di samping itu, ia juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memajukan hala tuju negara satu masa nanti.

Sejurus selepas penyampaian taklimat, Kuiz ASEAN diadakan untuk mengetahui sejauh mana

pelajar-pelajar mengetahui mengenai ASEAN dan peranannya dalam membangun negara-negara anggotanya.

Turut dipromosikan ialah aplikasi mudah alih 'We ASEAN' yang mengandungi maklumat mengenai ASEAN dan negara-negara anggota ASEAN (ASEAN Member States), Kalendar ASEAN, kuiz, galeri gambar dan video.

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI semasa mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN ke Sekolah St. James, Kuala Belait.

Aplikasi ini merupakan salah satu projek di bawah Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI dan boleh dimuat turun melalui Google Play bagi pengguna Android and App Store bagi pengguna iOS.

Sekretariat Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI turut mempromosikan terbitan Sekretariat ASEAN iaitu 'ASEAN Communication Master Plan II' (ACMP II) yang merupakan salah satu inisiatif bagi menyokong pelaksanaan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Wawasan ASEAN 2025.

Terbitan berkenaan boleh didapati di Laman Sesawang Jabatan Penerangan melalui pautan <https://www.information.gov.bn/English%20Publication%20PDF/ASEAN%20Communication%20Master%20Plan%202018-2025.pdf> dan juga di laman sesawang rasmi ASEAN iaitu www.asean.org.



SALAH seorang pelajar semasa menyertai Kuiz ASEAN (kiri), manakala gambar kanan, turut hadir Pengetua Sekolah berkenaan, Dayang Rimani binti Sitai.



12 premis makanan belum memohon Sijil Halal



OPERASI ini bertujuan untuk menguatkuasakan peruntukan Bab 4 (1) dan Bab 10 (1) (a), Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 mengenai keperluan memohon Sijil Halal atau Permit Halal Majlis Ugama Islam Brunei yang dikenakan ke atas pengusaha-pengusaha makanan di negara ini (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Februari. - Beberapa operasi secara berperingkat dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sepanjang bulan Januari di Daerah Belait, Daerah Tutong dan juga di Daerah Temburong khususnya di

kawasan bangunan perniagaan komersial dan sekitarnya.

Operasi ini bertujuan untuk menguatkuasakan peruntukan Bab 4 (1) dan Bab 10 (1) (a), Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 mengenai keperluan memohon Sijil Halal atau Permit Halal Majlis Ugama Islam Brunei yang dikenakan ke atas pengusaha-pengusaha makanan



di negara ini yang telah berkuat kuasa setelah undang-undang tersebut dipinda pada tahun 2017.

Sebanyak 12 premis makanan di ketiga-tiga daerah didapati belum membuat permohonan Sijil Halal dan telah dikeluarkan notis untuk menghadapkan permohonan dalam tempoh enam bulan.

Sehubungan itu, KHEU ingin menegaskan kepada para pemilik restoran dan pengusaha perniagaan makanan bahawa

permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal atau Permit Halal bagi perniagaan makanan yang beroperasi di negara ini adalah mandatori.

Oleh itu, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU ingin menyeru kepada semua pengusaha makanan di negara ini yang belum mempunyai Sijil Halal atau Permit Halal untuk menghadapkan permohonan dengan segera.

Kegagalan berbuat demikian

boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Bab 4 (5) dan Bab 10 (6), Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 (pindaan 2017) dengan hukuman denda sehingga BND8,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu, pemegang Sijil Halal dan Permit Halal juga adalah diingatkan supaya sentiasa memastikan Sijil Halal dan Permit Halal masih sah dan hendaklah menghadapkan permohonan untuk pembaharuan sijil dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh mansuh.

Bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah akan sentiasa berusaha memastikan pelaksanaan pensijilan halal dan pengawalannya di negara ini berjalan selaras dengan kehendak undang-undang dan juga syarak.

Bahagian penguatkuasaan undang-undang di bawah jabatan ini akan sentiasa menjalankan operasi rondaan dan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran berlaku khasnya dalam kalangan pemegang- pemegang Sijil Halal dan Permit Halal.

PPDB ADAKAN LATIHAN KESELAMATAN BERSEPADU

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Keselamatan Bersepadu bersama agensi-agensi keselamatan.

Latihan tersebut akan diadakan pada Selasa, 14 Februari hingga Rabu, 15 Disember 2022, bermula jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi, bermula dari kawasan Istana Darul Hana melalui Jalan Tumasek menuju ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu, PPDB ingin memaklumkan kepada orang ramai yang tinggal berdekatan dan melalui jalan tersebut supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut di mana akan menggunakan bahan letupan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

Bantu kesan Md. Sumon Matubbor



MD. Sumon Matubbor, dilaporkan lari daripada majikan.

Muara, Isnin, 13 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja warganegara Bangladesh yang dilaporkan lari daripada majikan.

Pekerja tersebut ialah Md. Sumon Matubbor, lelaki, 27 tahun dengan memegang nombor pasport, A022633377.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Muara menerusi talian +673 2770140 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.

Alert List BDCB dikemaskinikan

■ **Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Februari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan BDCB, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai berkenaan adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang dimasukkan ke dalam Alert List BDCB bagi bulan Januari 2023.

Individu, syarikat atau entiti berkenaan ialah Asrihafiz HA (FB Profile); Roopchand Tanwar (FB Profile); Good Hope (FB Profile) (+673 811281); Refinance Loan Brunei (IG Profile) (+673 7258399) / refinance_loan / refinance_loan.brunei (Bangunan Desa Delima, Jalan Serusop, Bandar Seri Begawan BB4513); Bank Loan Settlement & Loan / Personal Loans & ngurusma (+673 8115653 / +673 7638523); Emergn Personal Loan / emergn.money_loan.s (IG Profile) (+673 8240523); FB Fillah (+673 8617606); Shima Eshop (FB Profile) (+673 8970147); Team SKK (+60 16-374 4105); Loan Agency BND (IG Profile) (+673 7261157); Loan Personal Brunei Darussalam (+673 7231444); Loan Sinar Berusaha (IG Profile) (+62 853 5325 9692); Loan Syariah Brunei Darussalam (FB Profile) (+673 7270619); Loan Trusted Brunei Darussalam / Loanloan trusted Brunei Darussalam (+673 8242580); HSB Trade Investment / HSB Traders Investment / +673 8608127; dan Loan Trusted.

Alert List BDCB yang dikemaskinikan boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap entiti atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berurusan skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengirisan wang dan pinjaman wang.

Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan entiti, syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn atau Instagram BDCB, [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei) untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel melalui fci@bdcg.gov.bn.



Kenali Bahasa Brunei

Takulipit bermaksud terpelecok kaki atau tangan kerana tersalah langkah atau terjatuh, dan lain-lain. Contoh pemakaian kata : sakit batisnya bagas **takulipit** di tangga dimalam.

Bakuluk-kuluk bermaksud

1 berkedut-kedut tentang kain, kertas, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : ambil tia karatas itu, abis **bakuluk-kuluk** ulihnya.

2 tidak jelas atau sukar difahami tentang percakapan atau sebutan yang terkulum.

Contoh pemakaian kata : inda kuberapa paham kurapknya itu, **bakuluk-kuluk** bunginya.

Lacah bermaksud berair tentang lantai dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : kalupahan tia amah Si Amit manutup paip sing dapur itu, abis **lacah** lantai dapur.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG KIULAP



Foto : Syahi Haji Ludin

Agar-Agar Permata

BAHAN 'A' :

1 cawan agar-agar tali

2 cawan air

Gula secukupnya

2 helai daun pandan diikat

Pewarna merah, hijau dan kuning

CARA MEMBUATNYA :

Masukkan agar-agar, daun pandan dan air ke dalam periuk. Rebus agar-agar hingga hancur. Setelah agar-agar tadi hancur, masukkan gula dan tunggu sehingga mendidih kemudian padamkan api.

Bahagikan agar-agar kepada tiga bahagian dan warnakan merah, hijau dan kuning. Tunggu hingga agar-agar keras.

Apabila keras, potong agar-agar berbentuk dadu kecil-kecil. Masukkan agar-agar yang dipotong tadi ke dalam loyang.

Langkah seterusnya ialah untuk memasak bahan bahagian 'B'.

BAHAN 'B' :

1 cawan agar-agar tali

5 cawan air

Tin susu pekat

2 helai daun pandan
Gula secukupnya

CARA MEMBUATNYA :

Masukkan agar-agar, daun pandan dan air ke dalam periuk. Masak hingga agar-agar hancur. Setelah agar-agar hancur, masukkan gula dan susu. Tunggu hingga mendidih dan tutup api.

Tuangkan agar-agar susu ke dalam loyang yang berisi agar-agar potong dadu tadi.

Bila dah sejuk bolehlah dipotong dan dihidangkan.



Integrasi ilmu dan nilai Islam

Oleh : Dr. Abdul Nasir Haji Abdul Rani, Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Foto : Jabatan Penerangan

INTEGRASI ilmu dan nilai Islam yang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran Abad Ke-21 adalah penting dalam memastikan kelangsungan agenda pendidikan kebangsaan. Proses melahirkan sumber tenaga manusia yang berilmu, beriman, beramal, berakhlak, berketerampilan dan mempunyai keahlian yang dinamik (*multi-skill*) adalah sejajar dengan matlamat yang hendak dicapai dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Ke arah mencapai cita-cita yang besar dan murni ini, integrasi ilmu dan nilai Islam bersumber dari wahyu dan ilmu umum sangat wajar diharmonikan dalam sistem pendidikan, baik di peringkat rendah, menengah, teknikal, vokasional, dan bahkan juga di peringkat pengajian tinggi.

Di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), penyepaduan ilmu merupakan perkara penting yang diberi perhatian dalam semua aspek. Satu Kerangka Kerja Bersepadu (*integrated framework*) telah direka bentuk ke arah mencapai Misi, Visi dan Objektif Fakulti dalam menjana dan menyebarkan ilmu yang bersendikan nilai-nilai Islam. Kerangka kerja ini secara umumnya dapat diilustrasikan menerusi gambar rajah berikut :

Menerusi gambar rajah ini, dapat diuraikan bahawa FEKIm UNISSA mempunyai empat bidang kepakaran teras (*core competencies*) iaitu perniagaan (*business*), ekonomi (*economics*), perbankan (*banking*), dan kewangan (*finance*). Selain mengajarkan ilmu umum, ilmu dan nilai Islam juga diterapkan secara langsung ke dalam kandungan semua kursus bagi setiap program prasiswazah iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam (BScIF), Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (BBM), dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Islam (BIE). Adunan ilmu wahyu dan ilmu umum ini telah membentuk kesatuan kurikulum yang bersepadu, holistik dan seimbang antara dimensi kehidupan duniawi dan kehidupan ukhrawi. Secara umumnya, kursus yang diajarkan dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, iaitu kursus dalam kategori 'Iman', kursus dalam kategori 'Amal' dan kursus dalam kategori 'Akhlak'. Pada setiap tempoh lima tahun, struktur program dan kandungan kursus akan dinilai semula, diulang semak dan dikemas kini untuk memastikannya tetap relevan dan kontemporari. Pihak industri yang berkaitan juga akan dilibatkan samakan dalam proses pengemaskinian tersebut sebagai pendekatan *multi-stakeholder* yang lebih berkesan bagi memastikan struktur dan kursus program selari dengan keperluan industri semasa

(*market driven*), selain memastikan para graduan boleh dipasarkan (*marketable*). Penyepaduan ilmu juga mengambil tempat dalam semua program akademik di peringkat pengajian siswazah; Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Suntikan Tasawwur Islami (*Islamic Worldview*) menjadi salah satu aspek penting yang sangat dititik beratkan dalam setiap kajian tesis pelajar agar mereka dapat menerapkan konsep Syariat dan ajaran Islam dalam segenap aspek kehidupan secara universal dan komprehensif.

Tujuan kurikulum bersepadu ini digubal ialah untuk memperkasa dan mempergiatkan usaha Fakulti dalam sama-sama mendukung agenda Matlamat Pembangunan Lestari atau juga dikenali dengan Sustainable Development Goals (SDGs) dengan memfokuskan kepada empat matlamat utama iaitu, memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua tanpa mengira lapisan umur (Matlamat Ke-3 SDGs), mempromosikan perkembangan ekonomi mampan dan menyeluruh, pekerjaan penuh dan produktif, dan pekerjaan yang layak kepada semua (Matlamat Ke-8 SDGs), membina infrastruktur yang kukuh, mempromosikan industri yang menyeluruh dan mampan serta merangsang inovasi (Matlamat Ke-9 SDGs); dan memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan (Matlamat Ke-12 SDGs).

Walau bagaimanapun, semua usaha yang dilakukan untuk mencapai Matlamat SDGs yang diharapkan mestilah berada dalam lingkungan dan batas Objektif Syariah (Maqasid al-Syariah) yang mempertimbangkan kemaslahatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

Kerangka kerja ini dijadikan sebagai panduan dan rujukan asas bagi semua aspek kerja di FEKIm UNISSA sama ada dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Penyelidikan dan Penerbitan, Latihan dan Konsultasi, dan juga tidak terkecuali dalam aspek Khidmat Masyarakat.

Pengintegrasian ilmu wahyu dan ilmu umum secara menyeluruh dan komprehensif ini menjadikan FEKIm UNISSA sebuah Fakulti yang mempunyai ciri khasnya yang tersendiri

sehingga dapat menarik pelajar antarabangsa dari 17 buah negara (Asia dan Afrika) untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat tinggi.

Penerimaan yang meluas ini telah melayakkan FEKIm UNISSA menjadi penerima ulung Global Islamic Finance Award (GIFA) dalam kategori Kepimpinan Pasaran Pendidikan dalam Perbankan dan Kewangan Islam sebanyak tiga kali berturut-turut dari Cambridge International Finance Advisor (IFA) United Kingdom, iaitu pada tahun 2019 di Cape Town, 2020 di Islamabad, dan 2021 di United Kingdom.


Pada tahun 2021, program BScIF telah diiktiraf sebagai sebuah program akademik yang bertaraf Lima Bintang dan menduduki tempat teratas dalam Kategori Program Gunaan dengan mendapat 752.5 mata. Program BScIF telah memperoleh lima bintang dalam tiga kategori teras, iaitu Penjajaran Strategik, P&P, dan Pengantarabangsaan. Penilaian tersebut telah dijalankan oleh Vietnam National University dengan kerjasama ASEAN University Network (AUN).

Sementara pada tahun 2022, Kursus Wajib Program BBM iaitu Entrepreneurship Project telah diiktiraf sebagai sebuah kursus berimpak tinggi yang bertaraf dunia apabila ditempatkan di tangga ke 51-100 dalam World's Universities with Real Impact (WURI) Ranking 2022 bagi kategori Entrepreneurial Spirit. Penilaian ini telah dilakukan

oleh Institute for Policy and Strategy on National Competitiveness, Korea Selatan dan disokong oleh empat buah organisasi antarabangsa iaitu Hanseatic League of Universities, Institute for Industrial Policy Studies, United Nation Institute for Training and Research, dan Tailor Institute Franklin University, Switzerland.

Manakala pada tahun ini (2023), Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia (IBFIM) telah mengiktiraf usaha gigih yang dilakukan oleh FEKIm dalam membangun bakat dan kemahiran profesional dalam bidang kewangan Islam apabila mengiktiraf UNISSA sebagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) antarabangsa pertama yang menerima IBFIM's Outstanding Industry Collaboration Award.

Ringkasnya, kecemerlangan dan pengiktirafan semasa yang diraih oleh FEKIm UNISSA telah mengangkat kedudukannya menjadi sebuah pusat pengajian tinggi Islam tempatan yang berprestij dan disegani kerana dapat bersaing dan duduk sama tinggi dan sama rendah dalam saf yang sama dengan IPT ternama di luar negeri. Kejayaan ini tidak mungkin dapat diraih tanpa adanya komitmen penuh dan dedikasi daripada semua pihak khususnya tenaga akademik FEKIm UNISSA yang sentiasa komited mengikut garis panduan kerangka kerja bersepadu yang menghubungkan ilmu ukhrawi dan ilmu duniawi.



Rajah



Gulintangan kekal berfungsi sebagai cabang kebudayaan kitani

Oleh : Ak. Jeffery Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

GULINTANGAN merupakan seni instrumen tradisi yang telah wujud sejak sekian lamanya di negara kita. Gulintangan ini terdiri daripada beberapa bilangan gong kecil yang mengeluarkan bunyi atau nada berlainan.

Gulintangan juga merupakan cabang kebudayaan Melayu Brunei *kitani* dalam kategori kesenian tradisi dan dalam kelompok alat muzik tradisi Brunei. Jika kita lihat, alat-alat muzik tradisi Brunei ada mempunyai banyak jenis. Gulintangan, tergolong dalam satu kumpulan orkestra yang biasanya disertakan atau dilengkapkan dengan lima lagi jenis peralatan muzik lainnya seperti Gendang Labik, Tawak-Tawak, Canang, Gong atau Agong dan yang paling penting di dalam menghasilkan melodi sesuatu muzik yang dialunkan iaitu pastinya gulintangan.

Sebutan Gulintangan menurut lima puak

Alat muzik tradisional Brunei merupakan satu kumpulan alat muzik tradisional puak-puak peribumi yang mendiami negara ini. Puak-puak tersebut tertumpu kepada lima puak sahaja iaitu Melayu Kedayan, Dusun, Tutong, Belait dan Murut. Salah satu alat muzik tradisional itu adalah Gulintangan.

Gulintangan ini mempunyai berbagai nama mengikut puak-puak tertentu. Sebagai contoh, dalam puak Dusun ia disebut 'Kalintangan', puak Tutong menyebutnya sebagai 'Kalantangan', puak Murut pula 'Kalinang' dan puak Belait menyebutnya sebagai 'Gambang'.

Kewujudan Gulintangan

Gulintangan ini dikatakan sudah ada sejak zaman Sultan Bolkiah lagi iaitu pada akhir Kurun Masihi Ke-15 dan awal Kurun Ke-16.

Merupakan alat muzik yang paling lumrah digunakan di mana-mana acara berbentuk kebudayaan dan ianya melambangkan bentuk peralatan muzik *folk* Borneo iaitu gulintangan. Ia merupakan sebuah alat muzik utama di dalam pelbagai kumpulan peralatan muzik yang selalu digunakan oleh berbagai-bagai masyarakat di dalam beraneka upacara, dan ada masanya ianya dimainkan secara solo.

Gulintangan mengandungi antara tujuh hingga sembilan biji anak Gulintangan (Gong berbentuk kecil), biasanya bersukatan 17-27 sentimeter dan anak-anak Gulintangan ini disusun di atas sepasang tali yang diikat kencang di sepanjang sebuah rangka atau para-para yang digelar langkungan diperbuat daripada pendudukan kayu berbentuk panjang kira-kira lapan inci dari paras bawah dan gulintangan ini diletakkan di atas landasan tali langkungan yang juga dipanggil sebagai timbaran. Ini berperanan untuk mengawal bunyi peralatan berkenaan apabila dipukul dan akan menghasilkan bunyi yang indah.

Pada kebiasaannya di zaman nenek moyang kita dahulu, mereka akan duduk sambil bersimpuh di atas lantai bersama Gulintangan tersebut dan memukul alat muzik ini dengan sepasang alat pemukul diperbuat daripada sejenis kayu yang ringan dan lembut. Alunan melodi Gulintangan dapat digandingkan dengan alat-alat muzik lainnya dalam keadaan harmoni.

Irama Gulintangan

Kebiasaannya di negara kita, apabila sesebuah kumpulan tersebut hendak

memainkan lagu-lagu tradisi Brunei dengan menggunakan Gulintangan ini, maksimum sebanyak lapan biji Gulintangan akan digunakan namun ia juga boleh digunakan lebih daripada jumlah Gulintangan yang diperlukan ini, tergantung kepada si pemain itu sendiri untuk mendapatkan *key* yang lebih harmoni dan pelbagai. Kini, alat permainan Gulintangan turut dimainkan di negara-negara rumpun Nusantara.

Dalam kalangan puak-puak asli Brunei, mereka masing-masing mempunyai irama Gulintangannya yang tersendiri. Biasanya permainan Gulintangan di antara puak-puak tersebut tidak mudah diketahui atau dimainkan kecuali pada musim-musim Hari Perayaan Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan inilah kesempatan bagi puak-puak asli Brunei mempersembahkan corak kebudayaan masing-masing, baik berupa tarian mahupun permainan muzik tradisional Gulintangan. Apa yang menariknya, Gulintangan ini juga dimainkan semasa majlis-majlis perkahwinan atau majlis-majlis rasmi.

Di antara irama tersebut ialah Seri Rama, Kudidi, Ayasan, Sakai, Hujan Lari, Raja Sehari, Seri Rama Boyan, Abut-Abut, Gelombang Bertaduh, Bangkar, Raja Berangkat, Raja Lalu, Ibang-Ibang, Sayau, Mengalai, Parang, Aliu Gendang, Emang-Emang, Tolak Bangkar, Taenjul, Tampuk Pinang, Balik Sunsang, Raja Lalu, Gendang Belait, Pengalaian, Tiga-Tiga, Labik, Silat, Dombak, Gendang Belait Dua, Langkas Nakud Dalai, Tubang Ulai, Tubang Ngalai dan banyak lagi. Irama-irama Gulintangan ini adalah irama yang dimiliki oleh lima puak peribumi yang mendiami negara ini.

Simbolik Gulintangan

Teknologi Melayu juga memainkan peranan penting dalam memberi dan menentukan kedudukan sosial pemiliknya. Pada masa kini, jika individu mempunyai Gulintangan, mereka dianggap sebagai masih lagi mengekalkan tradisi budaya Melayu untuk melitinkan kepada generasi-generasi yang akan datang dan menyampaikan mesej kepada mereka betapa uniknya keindahan Gulintangan itu dan di samping itu, seseorang yang mempunyai Gulintangan itu juga harus pandai menjaganya apabila disimpan dalam rumah kerana fungsi simbolik itu juga boleh diteliti sebagai lambang sosial.

Mengekalkan Gulintangan untuk tatapan generasi akan datang

Bagi mengekalkan warisan ini, pertandingan Gulintangan antara institusi tinggi, maktab dan sekolah menengah sering diadakan bagi memupuk minat para pelajar tentang keindahan bunyi yang dihasilkan oleh Gulintangan ini dan sekali gus memperkenalkan dan mengekalkan muzik tradisional ini sebagai salah satu khazanah negara yang berharga.

Kesimpulannya

Secara kesimpulannya, masyarakat tidak seharusnya membiarkan permainan muzik tradisional Gulintangan ini terus dipinggirkan. Masyarakat seharusnya mempunyai kesedaran untuk mempertahankan harta warisan mereka agar ia maju ke hadapan dan bergerak seiring dengan teknologi agar ia tidak semakin pupus ditelan arus kemodenan.



3 SYARIKAT DIKOMPAN BUANG SAMPAH DI TEMPAT AWAM



TIGA buah syarikat di Daerah Tutong, masing-masing dikenakan kompaun oleh Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong atas kesalahan membuang sampah di tempat awam (atas kiri, atas kanan dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Isnin, 13 Februari. - Tiga buah syarikat di Daerah Tutong, masing-masing dikenakan kompaun BND500 dan BND200 oleh Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong atas kesalahan membuang sampah di tempat awam.

Menurut kenyataan jabatan itu, ketiga-tiga buah syarikat berkenaan telah melakukan kesalahan dibawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021 dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Syarikat-syarikat tersebut ialah Samakday Sdn. Bhd., beralamat Unit 17 & 18 Lot No. : 3878 Bangunan Haji Ali Ahmed Kampung Sengkarai, Tutong; Swee Wah Enterprise Sdn. Bhd. di alamat Lot 18090 Kampung Kupang Mukim Keriam Tutong dan Best Winnie Enterprise di Unit 24 Blok B Ground Floor, Bangunan Haji Ali Ahmed, Kampung Sengkarai, Tutong.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka

syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.



bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

Dihukum penjara jika gagal bayar denda



Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Februari. - Disebabkan memiliki barang tegahan, seorang lelaki warganegara tempatan, dijatuhkan hukuman atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146 (1) (b) Perintah Eksais, 2006.

Bagi pertuduhan pertama, hukuman denda sebanyak BND80,000.00 atau 17 bulan penjara, jika gagal membayar denda manakala, pertuduhan kedua iaitu hukuman denda

sebanyak BND38,300.00 atau 14 bulan penjara, jika gagal membayar denda tersebut.

Tertuduh, Awang Jamudin bin Haji Suhaili mengaku bersalah dan hukuman dijatuhkan oleh Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman, di Mahkamah Majistret, di sini.

Awang Jamudin, berumur 55 tahun, didakwa memiliki 100 karton rokok berbagai jenis, 2,784 tin minuman keras berbagai jenis dan juga 696 botol minuman keras berbagai jenis.

Defendan ditangkap semasa Operasi Sepadu yang melibatkan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Polis Marin Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di Sungai Bunga berdekatan Kampung Mentiri pada 12 Februari 2023, jam 1.15 petang.

Kena penjara, denda kerana tinggal lebih masa

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Februari. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman lapan bulan penjara dan denda sebanyak BND1,000 ke atas seorang wanita, warganegara Indonesia, di bawah Seksyen 15 (1) Akta Imigresen, Penggal 17.

Hukuman dijatuhkan oleh Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman di Mahkamah Majistret, di sini.

Sunarti, berumur 46 tahun, didakwa melakukan satu pertuduhan kerana tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam tanpa alasan yang munasabah setelah Pas Imigresen mansuh pada 21 Mac 2014, iaitu selama 3,250 hari.

Pada 11 Februari 2023, kira-kira jam 4.15 petang, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah menjalankan operasi di Kampung Madewa di mana Pas Imigresen defendan didapati mansuh pada 21 Mac 2014.

Dalam siasatan mendedahkan bahawa Pas Imigresen defendan dikeluarkan pada 12 Mac 2014, di mana defendan telah melaporkannya pada 13 Mac 2014. Bahkan, Pas Imigresen defendan dilanjutkan sehingga 20 Mac 2014.

Namun selepas 20 Mac 2014, defendan gagal melaporkan ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang JIPK sehingga beliau ditangkap pada 11 Februari 2023.

Siasatan juga melaporkan bahawa defendan telah bekerja sebagai freelance semasa Pas Imigresen beliau mansuh.

Dalam rekod, ini merupakan kesalahan pertama defendan di bawah Akta Imigresen.

Pendakwaan tertuduh dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya di JIPK, Adi Yusra bin Haji Adnan.

ALAI PINTAR 096

SOALAN 15 FEBRUARI 2023, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Amin dan Amirul berkawan baik. _____ sering kelihatan bersama.
 - a) Kami
 - b) Kita
 - c) Mereka
2. Tumbuhan memerlukan _____ untuk terus hidup.
 - a) Pakaian
 - b) Tempat tinggal
 - c) Cahaya matahari
3. Ketika Nabi Muhammad S.A.W berumur ____ tahun, Mekah dilanda banjir besar dan Kaabah ditenggelami air.
 - a) 10
 - b) 15
 - c) 35

TARIKH TUTUP : 26 FEBRUARI 2023

HADIAH PEMENANG
 1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
 2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 095 :

Nama : Nur Alisha Umairah Binti Abdil Hafiz
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0140421-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba I

Nama : Muzthaqeem Wal-Iqram Bin Haji Hadanan
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0106202-01. Sekolah : Sekolah Rendah Mentiri

Nama : Muhd Shah'izz Khalish Mirza Al-Iman Bin Shahrol
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0119621-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba II

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

<ul style="list-style-type: none"> - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam 	<ul style="list-style-type: none"> - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait; - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
--	---
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :

Tarikh Lahir :

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :

Sekolah :

Tahun :

Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 095

1. b) Ke-an
2. a) Berwudhu
3. c) BND250

GEMPA TURKIYE, SYRIA : ANGKA KORBAN MENCECAH 35,000, BANTUAN ANTARABANGSA DITERUSKAN



ANKARA/DAMSYIK, 14 Feb. - Angka kematian akibat gempa bumi di Turkiye meningkat kepada 31,643 menjadikan jumlah korban keseluruhan termasuk Syria melebihi 35,000 manakala puluhan ribu lagi cedera, lapor Agensi Anadolu memetik agensi bencana negara.

Ketua bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Isnin berkata usaha bantuan PBB membabitkan keperluan mendesak seperti tempat tinggal, makanan dan persekolahan serta menampung keperluan

kemanusiaan selama tiga bulan di Syria.

Persatuan Bulan Sabit Merah Afghanistan menderma 4.5 juta afghanis (US\$50,000) dalam bentuk tunai untuk membantu penduduk yang terjejas di Turkiye, lapor agensi berita Bakhtar pada Isnin.

Kumpulan pertama bekalan bantuan yang menuju ke Turkiye dan dibiayai kerajaan China tiba di Istanbul pada 11 dan 12 Februari.

Bekalan lain termasuk mesin elektrokardiograf, peralatan diagnostik ultrasonik, kenderaan

pengangkutan perubatan dan katil hospital akan dihantar pada minggu ini.

Pasukan penyelamat dari China setakat ini berjaya menyelamatkan lebih 10 mangsa.

Masalah dan Respon

Kekurangan peralatan perubatan dan anggota penyelamat telah mengehadkan keupayaan Bulan Sabit Merah Syria dalam membantu di kawasan bencana, kata Mey al-Sayegh, jurucakap Persatuan Palang dan Bulan Sabit Merah (IFRC) Antarabangsa yang berpangkalan di Beirut.

Al-Sayegh berkata bahawa Bulan Sabit Merah Syria tidak mempunyai peralatan yang mencukupi kerana perang yang dahsyat di negara itu sejak 2011.

Cuaca sejuk di Syria dan Turkiye merupakan satu lagi cabaran serius dalam usaha membantu mangsa gempa bumi, katanya.

Mengulas mengenai sekatan semasa Amerika Syarikat ke atas Syria, al-Sayegh berkata

sekatan itu menghalang dan melambatkan penghantaran bantuan kemanusiaan ke Syria yang dilanda gempa bumi.

IFRC memperuntukkan 1 juta franc Swiss (US\$1.09 juta) kepada Bulan Sabit Merah Syria dan 2 juta franc Swiss kepada Bulan Sabit Merah Turkiye bagi membolehkan bantuan segera disalurkan kepada mangsa yang terselamat, menurut jurucakap IFRC. - ©BERNAMA

Pelarian Ukraine di Poland cecah 1.85 juta orang

WARSAW, 14 Feb. - Jumlah rakyat Ukraine yang menyeberangi sempadan ke negara jiran Poland sejak perang bermula pada Februari 2022 adalah kira-kira 9.66 juta, dengan hampir 7.8 juta telah kembali ke Ukraine, menurut Pengawal Sempadan Poland.

"Jumlah rakyat Ukraine yang masih tinggal di Poland adalah sekitar 1.85 juta.

"Jumlahnya menurun berbanding tahun lepas, apabila kemasukan sekitar 140,000 orang setiap hari pada satu ketika," lapor

Agensi Anadolu memetik jurucakap Pengawal Sempadan, Anna Michalska.

Warga Ukraine kini menjadi pekerja warga asing paling ramai yang bekerja di Poland, menurut menteri dasar keluarga dan sosial Poland minggu lalu.

Data daripada ZUS, iaitu sebuah syarikat insurans di Poland menunjukkan bahawa 1,063,300 warga asing telah bekerja secara sah di Poland setakat Disember, meningkat sebanyak 191,700 berbanding Januari lalu.

Hampir 14,000 firma Ukraine telah ditubuhkan di Poland dari Januari hingga September 2022, menurut laporan oleh Institut Ekonomi Poland, sebuah badan pemikir ekonomi awam.

Menurut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Poland membelanjakan 8.36 bilion (US\$8.98 bilion) untuk perumahan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan lain bagi rakyat Ukraine pada 2022, jumlah tertinggi dalam kalangan negara anggota. - ©BERNAMA

Ribuan pelarian bakal diberikan taraf pemastautin di Australia

CANBERRA, 13 Feb. - Menteri imigresen Australia Andrew Giles pada Isnin mengumumkan kerajaan akan menunaikan komitmen pilihan raya untuk mengeluarkan visa tetap kepada beberapa pemegang visa sementara, lapor Xinhua.

Giles memenuhi janji pilihan raya dengan mempelawa kira-kira 19,000 pelarian yang tiba di Australia sebelum 2013 dan memegang dua jenis visa sementara untuk memohon sebagai pemastautin.

Langkah itu akan memberikan pelarian akses kepada keselamatan sosial, penjagaan kesihatan, skim insurans hilang upaya dan pinjaman pendidikan tinggi serta membolehkan mereka

membawa ahli keluarga terdekat ke Australia.

Ketika mengumumkan perkara itu, Giles berkata tidak munasabah untuk mengekalkan orang yang bekerja, membayar cukai, menjalankan perniagaan dan menggaji warga Australia dalam keadaan tidak keruan kerana status visa mereka.

"Bagaimanapun, tanpa visa tetap, mereka tidak dapat memohon pinjaman untuk membeli rumah, membangunkan perniagaan atau melanjutkan pelajaran," katanya.

Namun, hanya pelarian yang tiba di Australia sebelum bermulanya Operasi Sempadan Negara - operasi perlindungan sempadan yang bertujuan untuk

menghentikan ketibaan bot pencari suaka - layak untuk memohon sebagai pemastautin.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Clare O'Neil berkata kerajaan komited terhadap operasi yang sedang dijalankan dan sesiapa yang tiba di Australia dengan bot tidak lagi akan dibenarkan tinggal di negara itu.

"Jika anda cuba memasuki Australia tanpa visa yang sah, anda perlu berpatah balik atau dihantar balik ke tempat asal.

"...Pasukan Pertahanan Australia dan Pasukan Sempadan Australia sedang meronda perairan kami untuk memintas dan menghantar pulang mana-mana bot yang cuba masuk," katanya. - ©BERNAMA

Jepun timbang cadangan simpan bekalan barangan kecemasan di pejabat pos

TOKYO, 13 Feb. - Kerajaan Jepun sedang menimbang cadangan menggunakan pejabat pos sebagai tempat menyimpan bekalan barangan kecemasan seperti makanan, air dan peralatan tempat tidur untuk penghantaran ke kawasan pemindahan sekiranya berlaku bencana, lapor Xinhua.

Menerusi cadangan itu, kerajaan tempatan akan menggunakan pejabat pos sebagai gudang penyimpanan bekalan bantuan bencana serta menggunakan kenderaan agensi itu untuk menghantar bekalan ke tempat yang memerlukan,

lapor Kyodo News pada Ahad, memetik sumber kerajaan.

Jepun yang kini berhadapan dengan bilangan penduduk yang semakin kecil, mahu memanfaatkan rangkaian luas khidmat penghantaran pejabat pos di seluruh negara itu yang operasinya turut meliputi kawasan terpencil.

Daripada kira-kira 24,000 pejabat pos di negara ini, pejabat pos Sagami-hara di Wilayah Kanagawa, bersempadan Tokyo, menandatangani perjanjian dengan kerajaan tempatan pada 2021 untuk menggunakan

rangkaiannya bagi mengangkut bekalan bantuan ke pusat pemindahan serta lokasi lain.

Kerajaan mahu menggalakkan pejabat pos Sagami-hara berkongsi pengetahuan dengan pejabat pos dan majlis perbandaran lain mulai April ini bagi meningkatkan respons bencana.

Kabinet juga sedang menimbang supaya pejabat pos menyediakan maklumat mengenai status kediaman kepada kerajaan tempatan untuk mengesahkan keselamatan orang ramai sekiranya berlaku bencana. - ©BERNAMA

Vietnam Airlines sambung semula penerbangan Hanoi-Kuala Lumpur

HANOI, 14 Feb. - Vietnam Airlines secara rasmi menyambung semula penerbangan Hanoi-Kuala Lumpur dengan kekerapan empat kali seminggu iaitu pada Isnin, Khamis, Jumaat dan Ahad.

Syarikat penerbangan itu turut melancarkan promosi tiket penerbangan bermula 4,644,000 VND (kira-kira US\$197) untuk perjalanan pergi dan balik (termasuk cukai dan yuran), lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Tiket ditawarkan mulai sekarang hingga 26 Mac 2023.

Penumpang boleh membeli tiket berkenaan menerusi laman sesawang syarikat penerbangan, aplikasi mudah alih, pejabat tiket rasmi dan ejen Vietnam Airlines di seluruh negara.

Syarikat penerbangan itu kini mengendalikannya 11 penerbangan seminggu membabitkan laluan Ho Chi Minh City - Kuala Lumpur.

Penerbangan dari Hanoi ke Kuala Lumpur akan mengukuhkan jalinan penerbangan antara Vietnam dan Malaysia.

Pada 2019 sebelum wabak COVID-19 melanda, Vietnam Airlines memberi perkhidmatan kepada lebih 220,000 penumpang antara Vietnam dan Malaysia.

Vietnam Airlines telah menyambung semula kebanyakan laluan antarabangsanya dengan lebih 600 penerbangan setiap minggu. - ©BERNAMA

Barangan bantuan China tiba di Istanbul

ISTANBUL, 13 Feb. - Kesemua barangan bantuan kelompok pertama yang disumbangkan kerajaan China untuk mangsa gempa bumi Turkiye selamat tiba di Lapangan Terbang Istanbul pada Ahad.

Dihantar melalui tiga penerbangan, barangan bantuan berkenaan merangkumi khemah dan selimut dan lain-lain.

Pada Sabtu, seramai 46 anggota pasukan mencari dan menyelamatkan (SAR) China yang sedang bertugas di Turkiye dikerah ke Antakya untuk menyelamatkan mangsa dan membuat penilaian risiko terhadap 24 bangunan.

Setakat ini, mereka berjaya menyelamatkan empat penduduk yang terperangkap di bawah runtuh bangunan dan menemukan lapan mayat.

Pada masa sama, pasukan SAR China bertungkus lumus mengesan jika ada individu yang masih hidup di bawah runtuh dan menjalankan penilaian risiko membabitkan 49 bangunan yang ranap ekoran gegaran dahsyat. - ©BERNAMA

Lubnan rayu sokongan Arab

BEIRUT, Lubnan, 13 Feb. - Menteri Ekonomi Lubnan Amin Salam pada Ahad merayu sokongan dunia Arab untuk membantu negara itu yang berhadapan kekurangan wang di tengah-tengah krisis ekonomi, lapor Agensi Anadolu.

"Lubnan dihimpit krisis demi krisis sejak sedekad lalu sehingga sekarang dan kini buntu. Ia perlukan sokongan anda.

"Lubnan juga merayu saudara Arabnya untuk menghulurkan bantuan ekoran krisis ekonomi dan kewangan yang belum pernah berlaku dalam sejarah," kata Salam pada persidangan mengenai Baitulmaqdis di ibu pejabat Liga Arab yang berpangkalan di Kaherah.

Beliau turut menyeru negara-negara Arab supaya menangani perbezaan.

"Lubnan merasai penderitaan ini dan masih belum pulih daripada kesan letupan 4 Ogos 2020 yang memusnahkan separuh daripada bandar Beirut," katanya.

Sejak 2019, Lubnan dibelenggu krisis ekonomi yang melumpuhkannya dan menurut Bank Dunia, krisis kewangan negara itu adalah antara yang terburuk pernah berlaku di era moden. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



KOTA RANGER FC BENAM STREET UNITED 4 - 0

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Februari. - Kota Ranger FC meraih kemenangan setelah menundukkan Street United dengan jaringan 4 - 0 pada Perlawanan Liga Futsal Brunei 2023 bertempat di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD), malam tadi.

Pengiran Md Khairul Huda Pengiran Osman menjaringkan gol pertama Kota Ranger FC di awal minit permainan melalui sepakan penalti di separuh masa pertama perlawanan dan malang bagi pasukan lawan kerana salah seorang pemain Street United iaitu Muhammad Irsyad Ad-Din Hamzah telah dilayangkan kad kuning pada minit ke-16.

Pada separuh masa kedua, Kota Ranger FC semakin bersemangat sehingga pada minit ke-22, gol kedua pula dijaringkan oleh Abu

Suffian Haji Adanan.

Street United cuba untuk bangkit dan mengejar jaringan pasukan lawan tetapi gagal apabila Kota Ranger FC berjaya menyumbatkan gol ketiga mereka selang dua minit kemudian melalui hasil sepakan Md Amirul Syami Adillah Md Helmi.

Pada minit ke-39 perlawanan, sepakan Md Habibullah Haji Adanan dari Kota Ranger FC tembus membolosi gawang pasukan lawan menjadikan kedudukan 4 - 0 hingga ke wisel penamat.

Perlawanan seterusnya akan diteruskan pada satu tarikh yang akan diumumkan kemudian.

ANTARA aksi perlawanan di antara Kota Ranger FC dan Street United pada Perlawanan Liga Futsal Brunei 2023.



Persediaan venue Sukan SEA Kemboja lancar - CDM

KUALA LUMPUR, 14 Feb. - Ketua Kontinjen (CDM) Malaysia ke Sukan SEA ke-32 di Kemboja Datuk Mohd Nasir Ali berpuas hati dengan persiapan negara tuan rumah bagi memastikan semua venue pertandingan pada temasya itu memenuhi keperluan dan keselesaan atlet.

Beliau yang melakukan lawatan di Phnom Penh pada bulan lepas berkata berdasarkan pemerhatian, kesemua kerja menaik taraf venue adalah mengikut perancangan ditetapkan sebelum temasya itu berlangsung dari 5 hingga 17 Mei ini.

"Persiapan untuk Sukan SEA Kemboja berjalan lancar dan agak cepat. Venue pertandingan sudah hampir siap cuma perkampungan atlet masih dalam proses namun mereka (Kemboja) sudah berjanji akan siapkan sebelum temasya bermula.

"Venue acara dan perkampungan atlet juga berdekatan dengan stadium utama...

boleh jalan kaki dalam masa 10 hingga 15 minit sahaja. Kita puas hati namun ada beberapa isu dibangkitkan seperti pengangkutan dan makanan halal supaya memudahkan atlet negara," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa pemilihan Sukan SEA di Wisma Majlis Olimpik Malaysia (MOM) di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohd Nasir menyuarakan keyakinan gandingan atlet muda dan senior dihantar bagi menggalas cabaran negara di Kemboja mampu melaksanakan misi besar bagi memastikan Jalur Gemilang terus berkibar megah pada temasya itu.

Pada Sukan SEA ke-31 di Hanoi, Vietnam, Malaysia menduduki tempat keenam selepas merangkul 39 pingat emas, 45 perak dan 90 gangsa, melepasi sasaran pingat 36-35-75. - ©BERNAMA

Skwad B-23 tidak beraksi di Sukan Asia 2022

PETALING JAYA, 14 Feb. - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) mengambil keputusan untuk tidak menghantar skuad Bawah 23 Tahun (B-23) kebangsaan ke Sukan Asia 2022 di Hangzhou, China yang dijadual berlangsung pada September ini.

Presidennya, Datuk Hamidin Mohd Amin berkata keputusan itu susulan penganjuran Sukan Asia begitu hampir dengan tarikh pusingan Kelayakan Piala Asia B-23 2024 yang dijadual berlangsung pada bulan yang sama.

Katanya, perkara itu dipersetujui selepas mengambil kira pandangan Pengarah Teknikal FAM Scott O'Donnell dan Ketua Jurulatih E. Elavarasan bahawa pusingan kelayakan itu lebih penting dalam memburu slot ke Sukan Olimpik Paris 2024.

"Kita tidak mahu masuk semua kejohanan dan akhirnya satu pun kita tak dapat peroleh kejayaan. Fokus kita tahun ini ialah tiga kejohanan iaitu Sukan SEA di Kemboja, kelayakan Piala Asia B-23 2024 dan Piala AFF B-23," katanya kepada media di sini, hari ini.

Hamidin berkata perkara itu sudah dimaklumkan kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan tidak mendapat sebarang bantahan.

Sukan Asia 2022 dijadual berlangsung dari 23 Sept hingga 8 Okt sementara pusingan Kelayakan Piala Asia B-23 2024 dijangka bermula dari 4 hingga 12 Sept.

Sebagai rekod, tiga pasukan terbaik dalam pusingan akhir Piala Asia B-23 2024 akan layak ke Sukan Olimpik Paris. - ©BERNAMA

Gempa Bumi Turkiye : Lionel Messi ajak pengikut Instagramnya bantu mangsa terutama kanak-kanak

ANKARA, 13 Feb. - Bintang bola sepak Argentina Lionel Messi pada Ahad mengajak pengikut Instagramnya membantu UNICEF untuk membolehkan agensi itu menyalurkan bantuan kepada kanak-kanak di Turkiye yang diterjejas akibat bencana gempa bumi, menurut Agensi Anadolu. Agency.

"Ini adalah hari yang sangat

menyedihkan untuk beribu-ribu kanak-kanak dan keluarga mereka yang terjejas oleh gempa bumi yang dahsyat di Turkiye dan Syria.

"Saya amat bersimpati. UNICEF bekerja di kawasan itu sejak awal lagi untuk melindungi kanak-kanak. Bantuan anda sangat berharga!," tulis bintang berusia 35 tahun itu,

Messi sebelum ini mendermakan jersi Paris Saint-Germain yang ditandatangani untuk kempen yang dijalankan oleh pemain pertahanan Turkiye Merih Demiral yang melelong jersi itu bagi mengumpul dana bantu mangsa gempa bumi.

Lebih 29,600 orang terbunuh akibat dua gempa bumi kuat yang menggegarkan

selatan Turkiye minggu ini, menurut angka rasmi terkini.

Gempa bumi bermagnitud 7.7 dan 7.6 pada Isnin lalu yang berpusat di wilayah Kahramanmaraş, menjejaskan lebih 13 juta orang di 10 wilayah termasuk Adana, Adiyaman, Diyarbakir, Gaziantep, Hatay, Kilis, Malatya, Osmaniye dan Sanliurfa. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TERAPKAN BUDAYA MEMBACA, MENGHAYATI AL-QURAN